

BERANGKAT MENYERTAI CHARITY PICKLEBALL FRIENDLY AND PRO EXHIBITION

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Jumaat, 9 Januari. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai perlawanan Charity Pickleball Friendly and Pro Exhibition yang dianjurkan bersama oleh Peak Club dan UNIKLEARN serta Imagine Sdn. Bhd. (Imagine) bertempat di Peak Sport Hub, Jaya Setia.

Turut berangkat ialah anakanda-anakanda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

>> Muka 3



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai perlawanan Charity Pickleball Friendly and Pro Exhibition yang telah mengambil tempat di Peak Sport Hub.

NBD kini berada dalam Musim Tengkujuh

Siaran Akhbar : Jabatan
Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 Januari. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada dalam fasa pertama Monsun Timur Laut, yang turut dikenali sebagai Musim Tengkujuh. Dalam tempoh ini, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca yang tidak menentu, dengan kejadian hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat.

Berikutan kejadian hujan sekali-sekala lebat dan berpetir yang bermula kelmarin pada Khamis, 8 Januari 2026, kebanyakan kawasan di seluruh negara telah terjejas, sehingga mengakibatkan kejadian banjir dan banjir kilat.

>> Muka 7

SASHHB terima 185 pelajar baharu

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

RIMBA, Khamis, 8 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan terus berusaha untuk melaksanakan falsafah pendidikan agama dan Arab yang mana di dalamnya sudah ada pelajaran dunia dan akhirat.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman

ketika ditemu bual semasa mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB), Rimba menyatakan bahawa persekolahan Arab bukan hanya menekankan pelajaran agama semata-mata tetapi merangkumi ilmu pengetahuan umum di mana pelajar mengikuti dua aliran pembelajaran iaitu aliran umum dan aliran agama.

>> Muka 4

Mengukuhkan kecekapan profesional, kemahiran advokasi melalui latihan berstruktur

Siaran Akhbar : Pejabat Peguam Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Januari. - Peguam Negara selaku Pendakwa Raya, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, telah merasmikan Majlis Pembukaan Kursus Latihan Asas Pendakwaan, yang diadakan selama dua hari dianjurkan oleh Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara.

Yang Berhormat dalam ucapan

alu-aluannya menekankan bahawa pendakwa-pendakwa memainkan peranan penting dalam menegakkan keadilan dan menegaskan kepentingan untuk bertindak demi kepentingan awam, membuat keputusan dengan adil dan bebas, selaras dengan undang-undang serta berdasarkan fakta yang boleh dibuktikan melalui keterangan yang boleh diterima.

>> Muka 6



Berita Utama



MEMPERKUKUHKAN kapasiti dalam melaksanakan kajian

Muka 6



MEMBACA Surah Yaa Siin, Tahlil sempena Sambutan Hari Polis Ke-105

Muka 7



HALAQAH memperkaya ilmu, memperkukuh penyampaian dakwah

Muka 12



RENCANA

LANGKAH yakin pelajar memulakan tahun 2026

Muka 28

Pelabuhan Muara terus berkembang maju sebagai hab pintu masuk ekonomi negara

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Pagi.

SAYA berbesar hati dapat berada di sini pada hari ini kerana kita memperingati satu lagi peristiwa penting Syarikat Pelabuhan Muara yang secara langsung sejajar dengan komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sektor swasta dalam memperkukuhkan keupayaan maritim dan logistik kita. Majlis ini juga mencerminkan dedikasi berterusan Syarikat Pelabuhan Muara dalam mempertingkatkan ketersambungan negara, meningkatkan daya pemprosesan, mengurangkan kos logistik untuk komuniti perniagaan kita, dan mewujudkan peluang pekerjaan tempatan yang lebih besar.

Selama bertahun-tahun, kita telah melihat peningkatan trend perkhidmatan perkapalan di Pelabuhan Muara. Dalam beberapa bulan kebelakangan ini, putaran baharu yang dikendalikan oleh Shandong International Transportation Corporation (SITC) dan Warisan Shipping Line (WSL) yang baru ditubuhkan telah meningkatkan lagi aktiviti perkapalan di Pelabuhan. Di samping perkhidmatan baharu ini, Laluan Qinzhou-Muara sedia ada terus memainkan peranan penting dalam meletakkan Pelabuhan Muara sebagai hab dalam rantau BIMP-EAGA, dan seterusnya.

Perkhidmatan yang telah lama beroperasi ini membentuk tulang belakang rangkaian serantau kami, memperkukuh fungsi Pelabuhan Muara sebagai penghubung penting antara Negara Brunei Darussalam (NBD), subrantau BIMP-EAGA yang lebih

luas, dan koridor perdagangan yang lebih luas yang memanjang melalui Koridor Perdagangan Darat-Laut Antarabangsa Baharu (ILSTC). Dari perspektif Syarikat Pelabuhan Muara, perkhidmatan ini mewakili lebih daripada sekadar persinggahan kapal baharu. Ia menandakan keyakinan yang semakin meningkat terhadap potensi Brunei sebagai titik transit strategik dan mengesahkan semula matlamat jangka panjang kami untuk meletakkan Pelabuhan Muara sebagai pintu masuk logistik serantau yang cekap dan berdaya saing.

Kekerapan perkhidmatan yang lebih baik dan pilihan laluan yang lebih luas yang kini tersedia melalui Pelabuhan Muara memberikan manfaat yang jelas. Pengimport dan pengeksport kami boleh menikmati jadual yang lebih andal, jangkauan pasaran yang lebih luas, dan masa transit yang lebih baik. Fleksibiliti tambahan ini penting untuk perniagaan NBD, terutamanya ketika kami berusaha ke arah meningkatkan daya saing negara dan menarik bahagian aliran perdagangan serantau yang lebih besar.

Walaupun tempoh operasi yang singkat ini, kita sudah melihat hasil yang memberangsangkan, dengan Warisan Shipping Line mencatatkan 149 TEU dan SITC mencapai 66 TEU melalui Pelabuhan Muara. Angka-angka awal ini menunjukkan permintaan sebenar dan memberi isyarat tentang pengukuhan peranan Brunei dalam koridor maritim serantau. Memandangkan daya pemprosesan terus berkembang, kita boleh menjangkakan peningkatan penggunaan pelabuhan, ketersambungan perkapalan yang lebih kukuh, dan akhirnya kos logistik yang lebih rendah, sekali gus meningkatkan lagi hubungan NBD dengan pasaran serantau dan global.

Perkembangan hari ini mesti dilihat dalam konteks BIMP-EAGA yang lebih luas, sebuah subwilayah yang mempunyai hampir 80 juta orang dengan KDNK gabungan kira-kira USD401.6 bilion. Dari 2017 hingga 2023, BIMP-EAGA mencatatkan lebih USD674 bilion dalam eksport antara dan luar wilayah dan menarik sekitar USD93.4 bilion dalam pelaburan langsung asing.

Angka-angka ini menggariskan aktiviti ekonomi yang semakin berkembang di sekeliling kita dan menekankan kepentingan meletakkan Pelabuhan Muara sebagai pintu masuk yang berdaya saing dan cekap ke dalam pasaran serantau yang semakin berkembang ini.

Laluan pindah kapal semasa melalui Muara termasuk sambungan ke Samalaju, Bintulu dan Lahad Datu. Ketika kami terus membina kapasiti dan daya pemprosesan, Kerajaan juga menyokong rancangan untuk memperluas jangkauan kami ke destinasi tambahan di seluruh BIMP-EAGA, termasuk selatan Filipina dan kawasan lain yang boleh mendapat manfaat daripada sambungan langsung atau pengantara. Pengukuhan koridor ini akan membolehkan NBD memainkan peranan yang lebih bermakna dalam memudahkan aliran perdagangan di rantau dinamik ini, membuka peluang bukan sahaja untuk Pelabuhan Muara tetapi juga untuk ekonomi yang lebih luas.

Dalam usaha kita mengukuhkan rangkaian ini, saya ingin menjemput rakan kongsi antarabangsa kita untuk meneroka peluang yang semakin berkembang yang ditawarkan melalui Pelabuhan Muara. Kami mengalu-alukan awda untuk memanfaatkan pintu masuk NBD yang stabil, cekap dan andal ke subrantau BIMP-EAGA dan seterusnya, menghubungkan perniagaan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa berucap pada Majlis SITC dan WSL Maiden Call Memajukan pelabuhan Muara sebagai Hab Pelabuhan Serantau pada Sabtu, 13 Disember 2025 yang diadakan di Cruise Ship Centre (CSC), Muara.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Awang Haji Mirazman bin Haji Othman

awda, mengembangkan kehadiran pasaran awda, dan mewujudkan laluan baharu untuk pertumbuhan. NBD bersedia untuk bekerjasama dengan awda dalam membina perkongsian jangka panjang yang saling menguntungkan yang menyokong pembangunan mampan dan kemakmuran bersama.

>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG										
JANUARI MASIH	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10	SABTU	20	4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.50	6.23	7.37
11	AHAD	21	5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24	7.38
12	ISNIN	22	5.00	5.10	6.33	6.57	12.29	3.51	6.24	7.38
13	SELASA	23	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
14	RABU	24	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
15	KHAMIS	25	5.01	5.11	6.33	6.57	12.31	3.52	6.25	7.39
16	JUMAAT	26	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
29 23 °C	30 24 °C	30 24 °C	
Pekan Bangar			
29 23 °C	30 24 °C	30 24 °C	
Pekan Tutong			
29 23 °C	30 24 °C	30 24 °C	
Kuala Belait			
29 23 °C	30 24 °C	30 24 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 10 JANUARI 2026

Kepentingan meningkatkan kemahiran dalam kerjaya

DALAM dunia kerjaya yang kompetitif, memiliki jawatan yang selesa bukan lagi jaminan untuk kemajuan. Mendaki tangga kerjaya memerlukan lebih daripada sekadar pengalaman atau senioriti; ia memerlukan komitmen berterusan. Salah satu cara untuk membantu proses pertumbuhan kita dalam kerjaya ialah untuk kita menaik taraf kelulusan serta meningkatkan kemahiran. Proses ini bukan sahaja penting, malah menjadi keperluan asas bagi sesiapa yang bercita-cita mencapai potensi tertinggi mereka.

Peningkatan kemahiran membuka peluang yang lebih luas kerana pasaran kerja hari ini sangat menghargai individu yang boleh menyesuaikan diri dengan teknologi dan trend baharu. Dengan menguasai kemahiran teknikal terkini atau kemahiran insaniah seperti kepimpinan, penyelesaian masalah kompleks, dan komunikasi, kita akan menjadi aset yang lebih bernilai. Ini secara langsung meningkatkan kebolehpasaran dan menjadikan kita calon utama untuk kenaikan pangkat atau peralihan ke peranan yang lebih mencabar.

Selain itu, peningkatan kemahiran membina daya tahan dan keselamatan kerjaya. Automasi dan perubahan industri boleh mengugurkan atau mengganti jawatan jika jawatan tersebut dianggap tidak relevan lagi atau boleh ditiadakan. Individu yang secara proaktif mempelajari kemahiran baharu membina keselamatan kerjaya dalaman dan keyakinan bahawa mereka boleh bertahan dan berkembang di mana-mana landskap. Ini mengurangkan kerisauan terhadap ketidakstabilan dan memberikan kawalan yang lebih besar terhadap hala tuju profesional.

Peningkatan kemahiran juga meningkatkan prestasi dan keyakinan diri. Penguasaan dalam bidang baharu membolehkan kita menyumbang kepada tempat pekerjaan dengan lebih efektif, melaksanakan tugas dengan cekap, dan menangani cabaran dengan kreativiti. Kejayaan ini, seterusnya, membina keyakinan yang kukuh. Keyakinan ini dapat dilihat dan dipercayai oleh majikan atau penyelia kita, menjadikan kita pilihan semula jadi untuk memikul tanggungjawab yang lebih besar.

Dalam era digital, pembelajaran berterusan telah menjadi sangat mudah diakses. Platform kursus dalam talian, webinar, bengkel, dan program pensijilan menawarkan laluan fleksibel untuk berkembang tanpa mengganggu kerja sedia ada. Maju ke hadapan adalah pilihan peribadi yang didorong oleh inisiatif untuk belajar. Kesimpulannya, tangga kerjaya moden tidak didaki dengan sekadar menunggu giliran, tetapi dengan secara aktif membina tangga kemampuan sendiri melalui pendidikan berterusan. Meningkatkan kemahiran adalah pelaburan terpenting untuk diri sendiri. Ianya boleh dilihat sebagai pelaburan yang membuahkan hasil berupa kepuasan kerja, kemajuan material, dan yang paling utama, kebebasan untuk mengarahkan destinasi kerjaya sendiri.

- Ketua Penyuntingan (Nr)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berangkat menyertai Charity Pickleball Friendly and Pro Exhibition

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin



>> Muka 1

Pada perlawanan berkenaan, Yang Teramat Mulia berkenan

menyertai dua perlawanan mewakili kumpulan UNIKLEARN X PEAK.



Pada perlawanan pertama, kumpulan UNIKLEARN X PEAK menentang kumpulan Imagine, manakala perlawanan kedua pula menentang kumpulan Perbadanan TAIB.

Acara diteruskan dengan perlawanan Pro Exhibition di antara kumpulan Toi dan

kumpulan Top Players in Brunei.

Sebanyak empat kategori dipertandingkan, iaitu Kategori Men's Doubles, Kategori Women's Doubles, Kategori Mixed Doubles, dan Kategori Beginners Mixed Doubles.

Bagi Kategori Men's Doubles, perlawanan akan berlangsung

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menyertai perlawanan di acara tersebut (kiri). Manakala gambar kiri sekali, turut berangkat ialah anakanda-anakanda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

pada 11 Januari 2026, jam 2.00 petang; manakala Kategori Women's Doubles, juga akan berlangsung pada 11 Januari 2026, jam 9.00 pagi.

Sementara bagi Kategori Mixed Doubles, akan berlangsung pada 11 Januari 2026, jam 7.00 malam, manakala Kategori Beginners Mixed Doubles pula akan berlangsung pada 10 Januari 2026, jam 7.00 malam.

KEGAGALAN BUKAN PENOLAKAN ALLAH, TETAPI DIDIKAN PENUH HIKMAH



MUNAJAT Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-214 kali ini melihat penyertaan daripada guru-guru dan murid-murid dari sekolah-sekolah ugama dan Arab seluruh negara dan juga warga kerja di bawah KHEU dan individu secara maya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 Januari. - Kegagalan adalah didikan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud : "Boleh jadi kamu membenci sesuatu, sedangkan ia baik bagi kamu." (Surah Al-Baqarah : 216).

Ayat berkenaan mengingatkan kita bahawa kegagalan bukan penolakan Allah, tetapi didikan penuh hikmah. Manakala, berjaya itu ujian. Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang

bererti : "Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalannya) dari dunia." (Surah Al-Qasas : 77).

Perkara berkenaan antara yang diingatkan melalui tazkirah bertajuk 'Gagal Itu Didikan, Berjaya Itu Ujian, dan Usaha Itu Ibadah'

yang disampaikan oleh Guru Sekolah Ugama Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Mumong, Belait, Awang Nordin bin Ajmain, bagi menyerikan Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-214 bersempena pembukaan sekolah penggal baharu tahun 2026.

Jelasnya, ayat berkenaan mengingatkan kita bahawa nikmat kejayaan bukan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

untuk dibanggakan, tetapi untuk dipertanggungjawabkan. Kejayaan sepatutnya mendekatkan kita kepada akhirat, bukan menjauhkan kita daripada Allah.

Sementara itu tambahnya, usaha itu ibadah, iaitu apabila pelajar memahami bahawa belajar itu ibadah, mereka akan belajar dengan sungguh - sungguh. Apabila guru memahami bahawa mengajar itu ibadah, mereka akan mendidik dengan penuh amanah dan kasih sayang.

Di sinilah katanya lagi, lahirnya keberkatan dalam pendidikan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud : "Dan bahawa sesungguhnya manusia tidak memperoleh selain apa yang diusahakannya." (Surah An-Najm : 39).

"Ayat ini mengingatkan bahawa apabila usaha difahami sebagai ibadah, setiap tugas, peluh dan kesabaran menjadi bernilai di sisi Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya.

Turut mengimarahkan lagi acara Munajat Khas berkenaan ialah guru-guru dan murid - murid dari sekolah-sekolah ugama dan Arab seluruh negara. Juga, warga kerja di bawah KHEU dan individu secara maya.

Acara Munajat Khas berkenaan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pengetua Sekolah Arab Sultan Haji Hassanul Bolkiah (SHHB), Rimba, Awang Haji

Norhisyam bin Haji Mohd. Noor, dari surau Sekolah Arab SHHB, Rimba.

Diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Mentiri (Petang), Awang Ashizal bin Zainal Abidin.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Guru Ugama Terlatih, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Mulaut (Petang), Awang Haji Mohd. Rudzaini bin Haji Mohamad.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Zikir Maghfirah Warrahmah beramai - ramai dipimpin oleh Guru Ugama Terlatih, Sekolah Ugama Lamunin, Tutong, Awang Abang Hariz bin Abang Hadzman.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Sekolah Arab Temburong, Awang Haji Asri bin Haji Timbang.

Acara Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama - sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala mushibah dan penyakit berbahaya.

SASHHB TERIMA 185 PELAJAR BAHARU



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman/
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Hasil daripada sistem ini, pelajar berjaya melanjutkan pengajian ke universiti terkemuka luar negara seperti Universiti Al-Azhar di Republik Arab Mesir atau universiti-universiti di United Kingdom, manakala bagi pelajar yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke luar negara, mereka meneruskan kerjaya sebagai guru agama melalui Maktab Perguruan Agama.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa inilah satu model pendidikan agama yang secara formal mengintegrasikan ilmu dunia dan akhirat serta terbukti berjaya hingga ke hari ini.

Pada masa ini, ujar Yang Berhormat, terdapat tujuh buah sekolah Arab di seluruh negara yang menyediakan laluan pendidikan lengkap daripada peringkat Penilaian Sekolah Rendah (PSR) hingga ke Peringkat 'A' Level dan Sijil Tinggi Pelajaran Agama Brunei (STPUB).

Pelajar mempunyai pilihan sama ada untuk meneruskan pengajian dalam bidang agama sahaja atau menggabungkan kedua-dua bidang sebelum melanjutkan pelajaran ke universiti dalam atau luar negara.

Sejak sekolah Arab yang pertama di negara ini dirasmikan pada tahun 1967, persekolahan Arab terus menjadi tonggak pendidikan duniawi dan ukhrawi yang tulen serta berperanan penting dalam melahirkan para ulama dan cendekiawan dalam pelbagai bidang ilmu bagi mendukung

pembangunan dan kemajuan bangsa, agama dan negara.

Bagi sesi persekolahan tahun ini, SASHHB, Rimba menerima seramai 185 pelajar baharu Sanah 5.

Pengetua SASHHB, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor dalam taklimatnya antara lain mengongsikan mengenai misi sekolah berkenaan termasuk struktur serta pencapaian dan inisiatif pihak sekolah dalam meningkatkan pencapaian pelajar dan guru.

Menurutnya, misi sekolah ialah 'Memberikan Pendidikan Duniawi dan Ukhrawi yang berkualiti untuk mendukung kemajuan negara dan kesejahteraan hidup dunia dan akhirat serta merealisasikan Wawasan Negara 2035'.

Ketika ini jelasnya, sekolah berkenaan mempunyai seramai 1,562 pelajar keseluruhan dengan 230 orang pegawai dan guru-guru serta 17 kakitangan sekolah.

Beliau seterusnya mengongsikan, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak sekolah untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan guru ialah melalui pelaksanaan Program Intervensi Akademik (Program Nahwa An Najah) iaitu mengaplikasikan pembelajaran melalui penyertaan program dan aktiviti jabatan, mewujudkan persaingan sihat, meningkatkan kerjasama pelajar, memberi fokus kepada pelajar yang belum mencapai sasaran lulus serta mengukuhkan pencapaian pelajar yang telah mencapai sasaran.

Selain itu jelasnya, mengadakan Kelas Tambahan (Peperiksaan Bersijil) bagi membantu pelajar Sanah 6 dan

Sanah 10FT dan 11 menguasai topik sukar dan bersedia untuk peperiksaan bersijil dan melaksanakan Kelas Intervensi sebelum peperiksaan bagi membantu pelajar mengukuhkan kefahaman, mengatasi kelemahan pembelajaran dan meningkatkan pencapaian akademik melalui bimbingan berfokus serta latihan intensif menjelang peperiksaan.

Juga diadakan ialah lawatan sambil belajar yang bertujuan memberi pendedahan langsung kepada situasi sebenar pembelajaran supaya pelajar dapat mengaitkan teori dengan aplikasi sebenar serta meningkatkan kefahaman, minat dan motivasi belajar.

Bagi para guru pula tambah beliau ialah melaksanakan Peningkatan Kualiti Pengajaran Guru iaitu melalui Unit Perkembangan Profesional / LNCP dan Unit Itqan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan menyokong guru mencapai sekurang-kurangnya Tahap 3 BTS-TPA 2.0 serta menyediakan platform kolaborasi untuk



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB), Rimba (atas dan atas kiri).

perkongsian amalan terbaik, sumber PdP dan strategi pedagogi yang menarik serta interaktif.

Pada lawatan kerja tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga mengadakan lawatan ke kelas-kelas selain menyaksikan kemudahan prasarana di sekolah berkenaan.

SASHHB ketika ini menempatkan pelajar lelaki

daripada Rendah Atas (Sanah 5 dan 6), Menengah Bawah (Sanah 7 dan 8) dan Menengah Atas (Sanah 9, 10 dan 11).

Bangunan sekolah berkenaan dilengkapi dengan bilik-bilik darjah, bilik guru, makmal sains, makmal komputer, makmal bahasa, mini studio, dewan utama, kafeteria, kemudahan bersukan, perpustakaan dan juga asrama.



WAKTU PEMBUKAAN BILIK RAMBUT MULIA RASULULLAH 			
BAGI TAHUN 2026			
Bilik Rambut Mulia Rasulullah  hanya akan dibuka pada hari-hari tertentu seperti berikut :			
HARI-HARI KELEPASAN AWAM	WAKTU OPERASI	WAKTU TUTUP KAUNTER TIKET	
ISRA' & MI'RAJ 3 Hari Sabtu - Isnin, 27-29 Rejab 1447 17 - 19 Januari 2026	9.00 pagi - 5.00 petang	4.00 petang	
HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-42 TAHUN 3 Hari Isnin - Rabu, *5 - 7 Ramadan 1447 23-25 Februari 2026	9.00 pagi - 3.00 petang	2.00 petang	
MEMPERINGATI NUZUL AL-QUR'AN 3 Hari Sabtu - Isnin, 17-19 Ramadan 1447 *7 - 9 Mac 2026	9.00 pagi - 3.00 petang	2.00 petang	
10 HARI TERAKHIR BULAN RAMADAN 1447 9 Hari 21 - 30 Ramadan 1447 *11 - 20 Mac 2026 (Kecuali hari Juma'at)	9.00 pagi - 3.00 petang	2.00 petang	
AWAL TAHUN HIJRIAH 1448 3 Hari Rabu - Khamis & Sabtu, 1 - 2 & 4 Muharram 1448 *17 - 18 & 20 Jun 2026	9.00 pagi - 5.00 petang	4.00 petang	
HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-80 TAHUN 3 Hari Rabu, 29 Muharram 1448 15 Julai 2026 Khamis & Sabtu, 1 & 3 Safar 1448 16 & 18 Julai 2026	1.30 petang - 5.00 petang 9.00 pagi - 5.00 petang	4.00 petang 4.00 petang	
01-29 RABIULAWAL 1448 (KECUALI HARI JUMA'AT) 24 Hari *15 Ogos 2026 - 10 September 2026 (Kecuali hari Juma'at)	9.00 pagi - 5.00 petang	4.00 petang	
MAULUD NABI MUHAMMAD  1 Hari Selasa, 12 Rabiulawal 1448 25 Ogos 2026	1.30 petang - 5.00 petang	4.00 petang	

Tinjau pelaksanaan pengajaran, pembelajaran sekolah agama



MUARA, Rabu, 7 Januari. - Bagi meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di persekolahan agama, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman telah mengadakan sesi lawatan ke Sekolah Ugama Tentera Laut Diraja Brunei serta Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Azim, Serasa.

Seramai 5,114 murid baharu telah memulakan sesi persekolahan agama Darjah IV di seluruh negara.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada sesi lawatan tersebut menyatakan bahawa pendidikan agama bukan sekadar menyampaikan ilmu tetapi merangkumi aspek berilmu, beramal, beriman dan berakhlak.

Dalam hal ini, tambah Yang Berhormat, tanggungjawab tersebut bukan lagi diletakkan semata-mata kepada ibu bapa atau masyarakat, sebaliknya kementerian mengambil tanggungjawab penuh terhadap pelaksanaan pendidikan tersebut.

Oleh itu, ia bukan sekadar berbentuk harapan tetapi merupakan satu usaha berterusan yang dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh untuk dicapai dan dijayakan.

Mengenai dengan pengintegrasian jelas Yang Berhormat, ia ada tujuan-tujuan yang tertentu dan baru saja dilaksanakan dalam dua tahun.

"Dari satu pusingan (cycle) pendidikan bermula dari Pra hingga Darjah III. Hasilnya ini akan dilihat dalam satu pusingan pada tahun 2028, insyaaAllah. Namun pada setakat ini, maklum balas yang



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah mengadakan sesi lawatan ke Sekolah Ugama Tentera Laut Diraja Brunei serta Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Azim, Serasa (atas kiri dan atas).

terkumpul ada kesan-kesannya kepada mata pelajaran agama terutama sekali pelajaran makin kurang, jadi kekurangan itu walaupun dirasakan di kelas belum lagi ada impak negatif tetapi sesetengah ibu bapa mendapati pembacaan anak-anak mereka agak lambat," jelas Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, kongsi Yang Berhormat, sikap ibu bapa secara keseluruhan adalah positif. Mereka tidak berdiam diri, sebaliknya mengambil inisiatif dengan menghantar anak-anak ke masjid, khususnya pada hari Jumaat,

untuk mengikuti Kelas Al-Quran serta menggalakkan amalan membaca di rumah. Ini menunjukkan satu perkembangan baharu yang baik dalam sokongan masyarakat terhadap pendidikan agama.

Sehubungan itu, bagi menyambut kemasukan murid-

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

murid baharu tersebut, pihak sekolah melaksanakan Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' (Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku) selama empat hari, antara lain bertujuan bagi mengukuhkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan agama, di samping memperkasa nilai-nilai Islam dan nilai-nilai positif dalam kalangan murid.

Di samping lawatan ke bilik-bilik darjah persekolahan agama, rombongan lawatan turut meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah-sekolah berkenaan bagi memastikan pelaksanaan pengintegrasian mata pelajaran agama ke dalam Sistem Pendidikan Umum dilaksanakan dengan baik, teratur, lancar dan berkesan.

Acara diakhiri dengan Sesi Muzakarah bersama pihak pentadbiran sekolah dan guru-guru.

TANAH JAMBU, Jumaat, 9 Januari. - Seramai 146 pelajar yang terdiri daripada anak-anak pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah menerima anugerah kecemerlangan dan penghargaan pada Majlis Penganugerahan Anak-anak Cemerlang ABDB bagi tahun 2025 di Auditorium Akademi Pertahanan ABDB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah tersebut ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pegawai-pegawai kanan, serta para ibu bapa dan penjaga penerima-penerima anugerah.

Para penerima telah menerima anugerah kecemerlangan dan penghargaan dalam bentuk sijil dan hadiah sebagai pengiktirafan atas pencapaian cemerlang mereka dalam peperiksaan International Baccalaureate (IB), General Certificate Education (GCE) 'A' Level, GCE 'O' Level, Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB), Sijil Pelajaran Tinggi Ugama Brunei (SPTUB), Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) dan Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Selain daripada menerima sijil dan hadiah daripada pihak ABDB, para penerima anugerah juga menerima hadiah tajaan daripada Bank Islam Brunei Darussalam, Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sendirian Berhad, Imagine Sendirian Berhad, Perusahaan Bismi dan Samima Sendirian Berhad.

Majlis tersebut adalah bagi meraikan pencapaian akademik anak-anak pegawai dan anggota ABDB bagi tahun 2025, dan merupakan acara tahunan yang diadakan bertujuan untuk merakamkan penghargaan kepada anak-anak pegawai dan anggota ABDB yang telah mencapai keputusan akademik yang cemerlang.

Di samping itu, ia juga menggalakkan mereka untuk terus berusaha mengekalkan prestasi

ABDB raikan 146 pelajar cemerlang

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah kepada salah seorang penerima (atas). Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.



kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

Penganugerahan ini juga sebagai galakan kepada pegawai dan anggota ABDB untuk kekal komited dalam memeduli dan

menyokong pendidikan anak-anak, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, ke arah melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berdaya saing.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Salutasi Usus Awda

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Musabqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya, 12 - 14 Januari

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Januari. - Musabqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah akan diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula pada Isnin, Selasa, dan Rabu, iaitu 22, 23 dan 24 Rejab 1447 bersamaan 12, 13 dan 14 Januari 2026, bertempat di Tingkat 7 dan Tingkat 8, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Blok 2H, Kondominium Ong Sum Ping.

Manakala, Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Cenderamata kepada para peserta dan hakim musabqah akan diadakan pada Khamis, 25 Rejab 1447 bersamaan 15 Januari 2026, bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seramai 75 peserta telah terpilih dan layak ke Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447H, iaitu Kategori 'A' (tujuh lelaki dan lapan perempuan), Kategori 'B' (enam lelaki dan sembilan perempuan), Kategori 'C' (empat lelaki dan 11 perempuan), Kategori 'D' (lapan lelaki dan tujuh perempuan), dan Kategori 'E' (sembilan lelaki dan enam perempuan).

Dalam pada itu, hanya lima peserta sahaja yang mencapai markah 85 peratus ke atas akan dipilih bagi setiap kategori untuk melayakkan mereka ke peringkat akhir. Walau bagaimanapun, markah yang lebih tinggi lebih diutamakan sekiranya keramaian berkenaan melebihi daripada jumlah lima orang.

Antara tujuan Musabqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya diadakan adalah bagi menggalakkan umat Islam di Negara Brunei Darussalam berjinak-jinak mencintai Al-Quran melalui hafazan dan menjadikannya sebagai satu rutin dan amalan harian.

Di samping untuk menambah penghafaz-penghafaz Al-Quran dalam sama-sama meraih pahala dan ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala, musabqah juga dapat mendorong dan membantu para peserta dan orang ramai untuk memahami maksud apa yang terkandung dalam Al-Quran termasuk fakta-fakta surah, nasihat, pengajaran dan hukum-hukum tajwid.

MENGUKUHKAN KECEKAPAN PROFESIONAL, KEMAHIRAN ADVOKASI MELALUI LATIHAN BERSTRUKTUR



YANG Berhormat Peguam Negara selaku Pendakwa Raya semasa berucap dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai pada Majlis Pembukaan Kursus Latihan Asas Pendakwaan (atas kanan dan atas).

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

>> Muka 1

Kursus Latihan Asas Pendakwaan berkenaan direka untuk mengukuhkan kecekapan

profesional dan kemahiran advokasi para peserta melalui latihan yang berstruktur dan praktikal.

Kursus berkenaan menggabungkan kaedah latihan Hampel Advocacy, yang akan digunakan buat pertama kali dalam latihan pegawai pendakwa daripada agensi penguatkuasaan

undang-undang, membolehkan para peserta belajar melalui demonstrasi, latihan berpandu, serta maklum balas berstruktur bagi meningkatkan kemahiran advokasi di mahkamah.



Seramai 41 peserta telah mengambil bahagian dalam kursus berkenaan, termasuk pendakwa - pendakwa Pejabat Peguam Negara, pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Bahagian Hasil Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jabatan Buruh, dan Tabung Amanah Pekerja.

Memperkukuhkan kapasiti dalam melaksanakan kajian



Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Januari. - Dengan tujuan untuk menyediakan platform perbincangan profesional dan sebagai wadah untuk berkongsi

pandangan, pengalaman serta amalan semasa berkaitan dengan pendidikan, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perancangan, Perkembangan dan



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Program Coffee with DP 2025 (kiri dan kiri sekali).

selaku pakar yang dijemput bagi program kali ini.

Pada hari pertama, program diisikan dengan lawatan ke Sekolah Rendah Delima Satu dan Sekolah Menengah Berakas, antara lain bertujuan untuk meninjau secara dekat pelaksanaan aktiviti di peringkat sekolah di Negara Brunei Darussalam, khususnya yang berkaitan dengan amalan pengajaran dan pembelajaran, pengurusan sekolah serta inisiatif pendidikan yang sedang dilaksanakan serta perbincangan bersama pakar mengenai efek dimensi sosioekonomi dan budaya terhadap prestasi pembelajaran pelajar.

Manakala pada hari kedua, program diisikan dengan bengkel bersama 74 pemimpin sekolah dan guru-guru mewakili 37 buah sekolah kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Pemangku Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat) serta ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

HALUAN

>> Muka 2

Syarikat Pelabuhan Muara kekal komited untuk memodenkan kemudahan kami, memperkukuh kecekapan operasi, dan menerima pakai pendigitalan bagi memastikan Pelabuhan Muara terus berkembang sebagai pintu masuk yang andal dan berdaya saing. Kemajuan yang kami raihan hari ini adalah hasil daripada dedikasi pengendali pelabuhan kami dan kepercayaan yang diberikan kepada kami oleh rakan industri kami.

Kami akan terus bekerjasama rapat dengan semua pihak berkepentingan untuk menyokong agenda kepelbagaian ekonomi Brunei dan mewujudkan peluang baharu untuk rakyat kami.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan penghargaan yang ikhlas kepada SITC dan Warisan Shipping Line kerana memilih Pelabuhan Muara sebagai sebahagian daripada rangkaian perkhidmatan awda, dan kepada pihak pengurusan dan kakitangan Syarikat Pelabuhan Muara atas kerja keras dan komitmen awda dalam menjayakan pencapaian hari ini.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Penyelidikan telah mengadakan Program Coffee with DP 2025.

Program yang diadakan selama dua hari tersebut bermula dari 6 hingga 7 Januari 2026 juga direka agar dapat melaksanakan refleksi inisiatif yang berasaskan data.

Selain itu, program juga merupakan inisiatif tahunan jabatan agar dapat memperkukuhkan kapasiti para peserta dalam melaksanakan kajian yang sahih dan berasaskan bukti. Program diharapkan dapat mendukung pendidikan yang responsif serta pembangunan dan pelaksanaan dasar yang terarah.



Sehubungan itu, petang tadi telah diadakan majlis penutup bagi program tersebut yang diadakan di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Majlis kemudian menyaksikan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee selaku Pengerusi Majlis.

Kemudian majlis diikuti dengan penyampaian ucpatama daripada Penganalisis Kanan di Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), Paris, Miyeko Ikeda

PENGANALISIS Kanan di Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), Paris, Miyeko Ikeda semasa menyampaikan ucpatamanya.

MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL SEMPENA SAMBUTAN HARI POLIS KE-105



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin hadir pada majlis berkenaan. Berangkat sama, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 Januari. - Bersempena dengan Sambutan Hari Polis Ke-105, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Majlis yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan berkenaan dihadiri oleh

Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin, bersama Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris, serta para pengarah, ketua formasi, pegawai, anggota dan kakitangan PPDB.

Bacaan Surah Yaa Sin dan Tahlil telah dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong PPDB, APO Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



Abu Bakar.

Majlis keagamaan anjuran Badan Ugama Islam (BUI) PPDB berkenaan diadakan sebagai tanda penghormatan dan doa berterusan agar roh para Al-Marhum dan

Al-Marhumah dicucuri rahmat, serta bagi memohon perlindungan, keberkatan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala demi kesejahteraan pasukan dan negara.

Pilih Islam sebagai pegangan hidup



TIMBALAN Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hadir pada majlis berkenaan. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas). Sementara gambar bawah, Sarjan (U) Muhammad Patra bin Kunchil semasa melafazkan dua khalimah syahadah.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUTONG, Jumaat, 9 Januari. - Dengan keberkatan dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala, seorang anggota Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) hari ini memilih Islam sebagai pegangan hidupnya yang baharu dalam satu

Majlis Pengislaman yang diadakan di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang, di sini.

Sarjan (U) Patra bin Kunchil dari Survival Equipment Flight, Skuadron 560, Cawangan No. 5, Kumpulan Bantu, TUDB, kini

dikenali sebagai Sarjan (U) Muhammad Patra bin Kunchil.

Hadir pada majlis berkenaan, Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, juga Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong; Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman; Ketua Kampung RPN Bukit Beruang, Awang Azman bin Haji Ismail; pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan, pegawai-pegawai dari PDI, anggota-anggota Kementerian Pertahanan dan kaum keluarga saudara baharu berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan



NBD kini berada dalam Musim Tengkujuh

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

>> Muka 1

Stesen Pencerapan Kajicuaca di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah merekodkan jumlah turunan hujan sebanyak 85.5 mm pada Khamis, 8 Januari 2026. Sementara itu, jumlah turunan hujan bagi bulan Januari 2026 setakat jam 8 pagi hari ini, 9 Januari 2026, telah mencapai 290.4 mm, iaitu 90 peratus dari jumlah turunan hujan normal bagi bulan ini. Berdasarkan ramalan tinjauan jangka panjang, jumlah turunan hujan bagi bulan Januari 2026 dijangka mencapai 440 mm atau lebih (Atas Normal).

Luruan angin Timur Laut yang berterusan telah menyebabkan keadaan atmosfera di rantau ini menjadi lembap dan tidak stabil, seterusnya menyumbang kepada peningkatan pembentukan awan hujan yang aktif, dan meningkatkan kejadian hujan lebat yang berpanjangan. Keadaan cuaca ekstrem ini dijangka berterusan sehingga awal pagi esok.

Sementara itu, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) mengeluarkan Kemas Kini Nasihat Cuaca Awam pada Rabu, 7 Januari 2026, yang menyatakan bahawa keadaan cuaca diramalkan berterusan aktif sehingga pagi Isnin, 12 Januari 2026.

Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka menjejaskan kebanyakan kawasan negara, terutama pada waktu petang dan malam, serta berpotensi berlanjutan sehingga ke awal pagi keesokan hari. Kelajuan angin boleh meningkat sehingga 45 kmsj semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir.

Di perairan Brunei, keadaan laut pada amnya berombak di paras sederhana ke gelombang, dengan ketinggian ombak di antara 1.5 hingga 3.0 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif. Terdapat risiko tinggi kejadian banjir kilat, tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang berlaku semasa hujan lebat dan keadaan angin kencang. Keadaan laut adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh BDMD dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Al-Mu'minin ayat satu hingga ayat 11, yang dibacakan oleh Soldadu (U) Masrur Fu'ad bin Haji Asmat dari Survival Equipment Flight, Skuadron 560, Cawangan No. 5, Kumpulan Bantu, TUDB.

Seterusnya, Sarjan (U) Patra melafazkan dua khalimah syahadah yang dibimbing oleh pegawai dari PDI Daerah Tutong.

Majlis kemudiannya disemarakkan lagi dengan laungan takbir sebanyak tiga kali, diikuti dengan Doa Pengislaman yang

dibacakan oleh Pegawai Turus, Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Mejar Narul Ismandy bin Haji Samaih, dan diteruskan dengan Dikir Marhaban yang diiringi dengan menabur bunga rampai.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata oleh Timbalan Pemerintah ABDB kepada Sarjan (U) Muhammad Patra, diikuti dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta sesi bergambar ramai.

Lawatan pastikan kemasukan pelajar baharu berjalan lancar



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

KUALA BELAIT, Khamis, 8 Januari. - Seramai 427 pelajar baharu Sanah 5 telah memulakan persekolahan di sekolah-sekolah Arab seluruh negara.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), pagi tadi, mengadakan Lawatan Kerja ke beberapa buah sekolah Arab di negara ini bagi meninjau lebih dekat perkembangan terkini serta kesiapsiagaan sekolah-sekolah berkenaan.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim telah mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Persediaan Arab, Kuala Belait bagi menyaksikan sesi pendaftaran

AWANG Muhammad Farish Zayyan bin Iman semasa ditemu bual.



kemasukan pelajar-pelajar baharu Sanah 5 di sekolah berkenaan.

Terdahulu, Guru Besar Sekolah Arab Belait, Pengiran Hajah Masniah binti Pengiran Haji Hussin dalam ucapan alu-aluannya mengucapkan tahniah kepada pelajar Sanah 5 kerana telah berjaya dalam peperiksaan calon kemasukan sekolah Arab pada tahun lepas.

"Serba sedikit info mengenai Sekolah Arab Belait ini, dari segi akademik pada tahun lepas semua pelajar lulus 100 peratus pada peperiksaan akhir tahun dan juga 100 peratus Gred A-C dalam PSR dan 100 peratus lulus dalam Peperiksaan SPE.

"Sukacita juga mengongsikan penglibatan sekolah dari sudut kokurikulum,

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim telah mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Persediaan Arab, Kuala Belait (kiri dan kanan).

sekolah telah pun memenangi beberapa pertandingan dan peraduan sama ada anjuran Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Pendidikan dan malahan juga menyertai pertandingan dan aktiviti di peringkat antarabangsa," jelasnya.

Pengiran Hajah Masniah seterusnya mengingatkan kepada para pelajar baharu bahawa kejayaan memerlukan usaha, doa dan disiplin serta gunakanlah peluang ini untuk belajar bersungguh-sungguh, menghormati guru dan membina hubungan yang baik dengan rakan-rakan.

Jadikan, tambah beliau, visi sekolah sebagai panduan dalam kehidupan pelajar dan manfaatkanlah peluang untuk mendalami ilmu agama dan bahasa Arab kerana ia adalah kunci untuk memahami khazanah ilmu Islam yang agung.

Kepada para ibu bapa pula, tambahnya, luangkan masa untuk memantau perkembangan pelajar, dan jangan teragak-agak untuk berkomunikasi dengan pihak sekolah sekiranya ada perkara yang perlu dibincangkan.

Antara pengisian lawatan Setiausaha Tetap KHEU adalah



lawatan ke kelas-kelas pelajar Sanah 5, berinteraksi bersama pelajar-pelajar serta diteruskan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh guru sekolah.

Sebanyak tujuh buah sekolah Arab di seluruh negara yang menawarkan Pendidikan bermula dari peringkat Sanah 5 hingga ke peringkat Pra-U.

Sejak sekolah Arab yang pertama di negara ini dirasmikan pada tahun 1967, persekolahan Arab terus menjadi tonggak pendidikan duniawi dan ukhrawi yang tulen serta berperanan penting dalam melahirkan para ulama dan cendekiawan dalam pelbagai bidang ilmu bagi mendukung pembangunan dan kemajuan bangsa, agama dan negara.

Pelita Brunei sempat menemu

DAYANG Morliza binti Haji Modihi semasa ditemu bual.



bual Dayang Morliza binti Haji Modihi yang merupakan ibu kepada salah seorang pelajar di Sekolah Arab melahirkan rasa bersyukur atas kejayaan anaknya memasuki pembelajaran di

Sekolah Arab dan berharap suatu hari nanti akan dapat mendalami ajaran Islam serta menyumbang kepada agama dan negara.

Sementara itu, salah seorang pelajar, Awang Muhammad Farish Zayyan bin Iman, menyatakan rasa syukur kerana terpilih memasuki sekolah Arab ini. Dengan sokongan penuh daripada kedua-dua ibu bapanya, beliau berazam untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

LAWATAN KERJA KE SEKOLAH ARAB TEMBURONG

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar telah mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah Arab Temburong (atas kiri dan atas kanan).

TEMBURONG, Khamis, 8 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) pagi tadi mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah sekolah Arab di negara ini bagi meninjau lebih dekat perkembangan terkini serta kesiapsiagaan sekolah-sekolah Arab berkenaan.

Di Daerah Temburong, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah Arab Temburong.

Semasa lawatan berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) melawat beberapa kelas dan berinteraksi

dengan murid-murid Sanah 5 yang melanjutkan pengajian mereka di sekolah berkenaan.

Lawatan tersebut juga bertujuan untuk meninjau pelaksanaan aktiviti-aktiviti kemasukan pelajar-pelajar baharu ke persekolahan Arab serta kesiapsiagaan sekolah yang meliputi dari aspek pentadbiran,

kebijakan pelajar, kemudahan prasarana dan pelaksanaan kurikulum agar selaras dengan dasar serta aspirasi Kementerian sejajar dengan matlamat melahirkan generasi yang berilmu dan berjaya, beriman dan berakhlak mulia.

Pada masa ini, terdapat tujuh buah sekolah Arab di seluruh

negara yang menawarkan pendidikan bermula daripada Sanah 5 hingga ke peringkat Pra-Universiti (Pra-U).

Bagi sesi persekolahan pada tahun ini, seramai 427 pelajar baharu Sanah 5 memulakan persekolahan mereka di sekolah-sekolah Arab seluruh negara.



TINJAU PELAKSANAAN PROGRAM KEMASUKAN MURID PERSEKOLAHAN UGAMA



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Januari. - Rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Ugama (SU) Dato Basir, Lambak Kanan dan SU Lambak Kanan bagi meninjau secara lebih dekat pelaksanaan Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' (Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku).

Program yang diadakan selama empat hari berkenaan bertujuan bagi mengukuhkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan agama, di samping memperkasa

nilai-nilai Islam dan nilai-nilai positif dalam kalangan murid.

Lawatan kerja Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dimulakan di SU Dato Basir dengan membuat tinjauan terhadap kemudahan yang disediakan antaranya ke Bilik Ibadat 1 dan Bilik Ibadat 2, ruang pameran, bilik-bilik darjah serta tempat berwudhu.

Mengalu - alukan ketibaan Setiausaha Tetap KHEU ialah Guru Besar Sekolah Rendah Dato Basir, Dayang Hajah Sarinah bin Haji Ahmad; dan Ketua Guru Ugama SU Dato Basir, Pengiran Hasibah

binti Pengiran Anak Haji Abd. Rahman.

Sekolah berkenaan mempunyai keramaian 279 murid dan mula beroperasi pada 1 April 1996.

Sejurus selesai lawatan di SU Dato Basir, Setiausaha Tetap KHEU meneruskan lawatan kerja ke SU Lambak Kanan.

Ketibaan Setiausaha Tetap KHEU dialu-alukan oleh Guru Besar SU Lambak Kanan, Dayang Sabrinah binti Haji Awang Damit.

Dalam lawatan berkenaan, Setiausaha Tetap KHEU antara lain meninjau secara lebih dekat pelaksanaan pengajaran dan

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SEKITAR lawatan kerja rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang diketuai oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim (atas dan kiri).

pembelajaran di bilik-bilik darjah dan seterusnya menyertai sesi muzakarah di Bilik ICT.

Taklimat pengenalan mengenai sejarah serta pencapaian sekolah berkenaan disampaikan oleh Guru Besar, SU Lambak Kanan.

SU Lambak Kanan siap dibina sepenuhnya pada 27 Ogos 1994 sebelum sesi persekolahan bermula pada 1 November pada tahun yang sama.

Sekolah berkenaan menempatkan dua blok bilik darjah dan sebuah dewan yang boleh memuatkan lebih kurang 500

murid.

Dewan berkenaan juga dijadikan sebagai bilik ibadah bagi murid-murid menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur dan Asar Secara Berjemaah.

Selain itu, sekolah berkenaan turut menempatkan sebuah bilik perpustakaan, bilik ICT dan bilik wuduk yang berasingan bagi murid lelaki serta perempuan.

Keramaian murid yang menghadiri SU Lambak Kanan pada sesi pagi ialah 53 orang, manakala pada sesi petang, 399 orang.

Tinjau pelaksanaan pengajaran, pembelajaran pendidikan Islam

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hasif Matzin



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa mengadakan lawatan kerja bagi Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' (Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku) (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Januari. - Seramai 5,114 murid baharu telah memulakan sesi persekolahan ugama Darjah IV di seluruh negara pada petang tadi.

Bagi menyambut kemasukan murid-murid baharu berkenaan, pihak sekolah melaksanakan Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' (Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku) selama empat hari.

Antara tujuan program berkenaan adalah bagi mengukuhkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan agama, di samping memperkasa nilai-nilai Islam dan nilai-nilai positif dalam kalangan murid.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pada petang tadi mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah sekolah ugama di seluruh negara bagi meninjau secara lebih dekat pelaksanaan program berkenaan.

Sekolah Ugama (SU) Pengiran Anak Puteri Besar (PAPB), Sungai Kebun; dan SU Pelambayan menerima lawatan kerja oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, mula-mula mengadakan lawatan kerja ke SU PAPB, Sungai Kebun.

Sekolah berkenaan telah ditubuhkan pada 3 Januari 2017, dan Guru Besar sekolah berkenaan ialah Awang Mohammad Halidi bin Awang Haji Basar.

Antara program - program keagamaan yang dilaksanakan di SU PAPB termasuk Program Bimbingan Solat Pelajar Tahun 2, Program Bilal dan Imam Cilik, Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam, Program Latihan Seni Taranum Azan bagi Tahun 3 dan Tahun 4 yang terpilih, menghalusi bacaan dan perbuatan solat serta cara berwuduk, pengajaran bacaan Al-Quran, dan pengajaran tulisan Jawi dan bacaan Jawi.

Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, kemudiannya mengadakan lawatan kerja ke SU Pelambayan, dan sekolah berkenaan mula digunakan pada 4 September 1989. Sementara, Dayang Umi Zuraifah binti Haji Piut telah dilantik sebagai Guru Besar SU Pelambayan.

Antara kemudahan yang terdapat di sekolah berkenaan ialah Bilik Pentadbiran, Bilik Taklimat, Bilik Rehat Guru, bilik darjah, dewan sekolah, dan Bilik UPKU.

Di samping lawatan ke bilik-bilik darjah persekolahan ugama, rombongan lawatan turut meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah-sekolah berkenaan bagi memastikan pelaksanaan pengintegrasian mata pelajaran agama ke dalam Sistem Pendidikan Umum dilaksanakan dengan baik, teratur, lancar dan berkesan.



ANTARA program keagamaan yang dilaksanakan (atas).

Memastikan Sistem Persekolahan Arab terus berkembang maju, mampan



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SA RIPAD) (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Januari. - Sejak sekolah Arab yang pertama di negara ini dirasmikan pada tahun 1967, persekolahan Arab terus menjadi tonggak pendidikan duniawi dan ukhrawi yang tulen serta berperanan penting dalam melahirkan para ulama dan cendekiawan dalam pelbagai bidang ilmu bagi mendukung pembangunan dan kemajuan bangsa, agama, dan negara.

Dalam pada itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) terus melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan

Sistem Persekolahan Arab terus berkembang maju dan mampan selaras dengan perkembangan semasa.

Pada masa ini, terdapat tujuh buah sekolah Arab di seluruh negara yang menawarkan pendidikan bermula dari peringkat Sanah 5 hingga ke peringkat Pra-U.

Bagi sesi persekolahan tahun ini, seramai 427 orang pelajar baharu Sanah 5 telah memulakan persekolahan di sekolah-sekolah Arab seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, KHEU pagi tadi mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah

sekolah Arab di negara ini bagi meningkatkan lebih dekat perkembangan terkini serta kesiapsiagaan sekolah-sekolah berkenaan.

Pada majlis lawatan yang berlangsung di Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SA RIPAD), lawatan kerja diketuai oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Lawatan dimulakan dengan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) dijemput melawat kelas-kelas dan menyaksikan pameran mengenai sekolah berkenaan, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Acara kemudiannya diakhiri dengan sesi muzakarah bersama pentadbiran sekolah.

Pencapaian akademik pelajar SA RIPAD dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) mencatatkan trend yang positif dalam tempoh lima tahun kebelakangan.

Prestasi sekolah dalam peratusan pelajar yang mencapai Gred 5A dan juga Gred A hingga C menunjukkan peningkatan dan penanda aras yang kukuh.

Pada tahun 2021, seramai 38.63 peratus pelajar berjaya mencapai Gred 5A, manakala 97.82 peratus pelajar memperoleh sekurang-kurangnya Gred A hingga C.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



Prestasi cemerlang berkenaan berterusan dengan pencapaian 99.52 peratus pelajar memperoleh Gred A hingga C pada tahun 2024, sekali gus mencerminkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, serta dedikasi warga sekolah.

Keputusan terkini pada tahun 2025 turut mengesahkan kecemerlangan berterusan SA RIPAD dengan 93.71 peratus pelajar berjaya mencapai Gred A hingga C, menunjukkan konsistensi sekolah sebagai antara peneraju pendidikan Arab dan Ugama di negara ini.

SA RIPAD dilengkapi dengan Kelas, Bilik Guru, Bilik Muzakarah,

Perpustakaan, Makmal Sains, Makmal Bahasa, Makmal Komputer, Surau, Dewan Serbaguna, Dewan Makan, Kantin, Gelanggang Sukan, serta Asrama.

Lawatan berkenaan antara lain bertujuan untuk meningkatkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti kemasukan pelajar-pelajar baharu ke persekolahan Arab serta kesiapsiagaan sekolah meliputi aspek pentadbiran, kebajikan pelajar, kemudahan prasarana dan pelaksanaan kurikulum agar selaras dengan dasar serta aspirasi Kementerian sejajar dengan matlamat melahirkan generasi yang berilmu dan berjaya, beriman dan berakhlak mulia.

MEMPERKASA NILAI ISLAM DALAM KALANGAN MURID

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



JERUDONG, Rabu, 7 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam terus komited dalam memastikan pendidikan ugama secara formal di negara ini dilaksanakan secara berkualiti dan berkesan ke arah melahirkan generasi yang berilmu, beriman serta berakhlak tinggi.

Seramai 5,114 murid baharu telah memulakan sesi persekolahan ugama Darjah IV di seluruh negara pada petang tadi.

Bagi menyambut kemasukan murid-murid berkenaan, pihak sekolah telah melaksanakan Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK'

(Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku) selama empat hari.

Program berkenaan antara lain bertujuan untuk mengukuhkan kesedaran terhadap kepentingan pendidikan agama, di samping memperkasa nilai-nilai Islam serta nilai-nilai positif dalam kalangan murid.

Sehubungan dengan itu, KHEU pada petang tadi telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah sekolah ugama di seluruh negara bagi meninjau secara lebih dekat pelaksanaan program berkenaan.

Antara sekolah ugama yang menjadi tumpuan lawatan ialah Sekolah Ugama (SU) Jerudong,

selepas lawatan terdahulu dibuat ke SU Rimba I.

Lawatan ke SU Jerudong telah dikunjungi oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim.

Selain mengadakan lawatan ke bilik-bilik darjah persekolahan ugama, rombongan turut meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah-sekolah berkenaan.

Tinjauan berkenaan bertujuan memastikan pelaksanaan pengintegrasian mata pelajaran agama ke dalam Sistem Pendidikan Umum dapat dilaksanakan dengan baik, teratur, lancar dan berkesan.

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, juga mengadakan sesi muzakarah bersama Guru Besar sekolah berkenaan.

Antara perkara yang dibincangkan ialah perbezaan ketara antara sekolah integrasi dan sekolah ugama, khususnya dari segi masa persekolahan dan suasana persekitaran sekolah.

Bagi sekolah integrasi, sesi persekolahan biasanya tamat lebih awal, iaitu sekitar jam 3.00 petang.

Manakala, sekolah ugama biasa pula bermula dari jam 1.30 petang hingga 5.00 petang, khususnya bagi murid Darjah 4, Darjah 5 dan Darjah 6.

Dari segi suasana dan keramaian murid, keadaan kini



SEKITAR lawatan Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' (Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku) (atas dan kiri).

didapati agak berbeza berbanding sebelum ini.

Sekolah ugama kelihatan lebih sunyi, memandangkan murid Darjah Pra, Darjah 1, Darjah 2 dan Darjah 3 telah mengikuti sistem integrasi.

Justeru itu, bilangan murid yang hadir ke sekolah ugama kini hanya tertumpu kepada murid Darjah 4, Darjah 5 dan Darjah 6, menyebabkan suasana tidak lagi seramai sebelum pelaksanaan sistem integrasi.

Walaupun bagaimanapun, keadaan berkenaan turut membawa kesan positif, kerana pihak sekolah ugama dapat memanfaatkan

kelas-kelas yang kosong bagi tujuan lain, antaranya Kelas Al-Quran, pengukuhan pembelajaran agama, serta pelaksanaan aktiviti-aktiviti sokongan yang bersesuaian untuk murid Darjah 4, Darjah 5 dan Darjah 6.

Secara keseluruhannya, walaupun suasana sekolah ugama kini lebih tenang dan kurang sesak, pelaksanaan sistem integrasi telah mewujudkan penyusunan yang lebih teratur, di samping memberi ruang kepada pihak pengurusan sekolah untuk mengoptimalkan penggunaan kemudahan sedia ada.

PROGRAM Y-LITE BENTUK GENERASI PEMIMPIN, BERINOVASI



PENGARAH Pembangunan Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan ketika berucap.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Januari. - Seramai 38 peserta Y-LITE 2025, YOUTH : Leadership, Innovate, Talent and Empowerment Programme 2025 petang tadi diraikan pada Majlis Hari Mekar program



berkenaan berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Para peserta daripada keempat-empat daerah terdiri dari institut pengajian tinggi, persatuan dan pergerakan belia dan belia-belia perseorangan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta program ialah Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Haji Morshidi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh peserta program, Awang Mohamad Hishamdi bin Mohamad Masuni, diikuti dengan ucapan daripada Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Awang Muhammad Amirul Syazmie bin Ibrahim yang juga selaku

Pengerusi Program Y-LITE 2025.

Ini kemudian diteruskan dengan tayangan video program berkenaan diikuti sesi perkongsian daripada wakil peserta Y-LITE 2025 iaitu Awang Muhammad Dzahiruddin@Muhammad Hanafi bin Haji Kifli dan Dayang Jamilin Syasya binti Jamil.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian hadiah tajaan, sijil penghargaan dan cenderamata kepada peserta terbaik bagi empat kategori iaitu Kategori Penggerak Post-Programme Activity; Kategori Aspirational Participant; Kategori Emerging Potential Participant dan Kategori Outstanding Participant serta penyampaian sijil penghargaan kepada para penaja program.

Majlis diakhiri dengan menyaksikan persembahan nyanyian bertajuk 'Teruskanlah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Impianmu' disampaikan oleh Dayang Siti Nur Adlina binti Tunggal, bekas peserta Global Youth Summit 2023 dan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Y-LITE (Youth - Leadership, Innovative, Talent, Empowerment) merupakan sebuah program yang membentuk generasi masa depan terutama para belia untuk menjadi pemimpin, inovasi dan agen perubahan di peringkat global.

Program ini memfokuskan dalam memberdayakan belia agar memiliki kemahiran dan pengalaman yang diperlukan dalam dunia yang semakin berkembang pesat serta memberi impak positif dan mandiri kepada masyarakat secara global.

Program Y-LITE juga diinisiatifkan untuk mengenal pasti belia yang mempunyai nilai-nilai, kemahiran dan pengetahuan yang

menjurus kepada matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035, sebagai persediaan pihak jabatan untuk meningkatkan dan mempersiapkan kumpulan belia ini sebagai 'Belia Siaga Masa Depan', di samping akan memenuhi keperluan penyertaan program di peringkat serantau dan antarabangsa selaku wakil belia Negara Brunei Darussalam.

Y-LITE merujuk kepada generasi belia masa depan yang akan memainkan peranan sebagai peneraju perubahan global. Program ini bertujuan untuk mendorong peserta agar berfikir secara futuristik, mewujudkan kesedaran terhadap impak jangka panjang daripada tindakan yang diambil oleh belia pada masa kini serta mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran dan merebut peluang yang ada pada masa hadapan.

NBD catat kedudukan ke-13 dalam IFDI 2025

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) mengekalkan kedudukan ke-13 di peringkat global dalam Penunjuk Pembangunan Kewangan Islam (Islamic Finance Development Indicator - IFDI) pada tahun 2025, mencerminkan daya tahan serta pembangunan berterusan sektor kewangan Islam negara.

Skor IFDI NBD, yang berdasarkan data tahun 2024, meningkat kepada 31 mata pada tahun 2025 berbanding 29 mata pada tahun 2024, walaupun purata global menurun daripada 12 kepada 11 mata dalam tempoh yang sama.

Keputusan ini dilaporkan dalam Laporan Pembangunan Kewangan Islam 2025 terkini bertajuk '50 Years of Exponential Growth', yang diterbitkan oleh Islamic Corporation for the Development of the Private Sector (ICD) dan London Stock Exchange Group (LSEG).

Laporan tersebut menilai prestasi global industri kewangan

Islam merangkumi 140 buah negara, termasuk empat negara baharu yang ditambah pada tahun 2025, iaitu South Sudan, Jamaica, Kosovo dan Lesotho.

IFDI merupakan indeks komposit berwajaran yang mengukur tahap keseluruhan pembangunan industri kewangan Islam selaras dengan prinsip Islam. Ia menilai prestasi berdasarkan lima petunjuk utama iaitu Prestasi Kewangan, Tadbir Urus, Kemampuhan, Kesedaran dan Pengetahuan.

Menurut laporan tersebut, 10 negara teratas mengekalkan kedudukan masing-masing dalam ranking IFDI, dengan Malaysia, Kerajaan Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu mendahului sebagai tiga pasaran kewangan Islam teratas dari segi pembangunan keseluruhan pada tahun 2024.

Iraq membuat penampilan sulung dalam kelompok 15 teratas dengan menduduki tempat ke-14 dan mencatatkan skor 30, menggantikan Nigeria daripada penilaian sebelumnya.

IFDI juga menekankan pertumbuhan pesat berterusan industri ini, yang mencapai nilai USD6 trilion pada tahun 2024, meningkat daripada USD4.9 trilion pada tahun 2023, sekali gus mencatat pertumbuhan tahunan yang memberangsangkan sebanyak 21 peratus.

Pencapaian ini didorong oleh prestasi kukuh dalam beberapa sektor utama, termasuk pertumbuhan rekod pasaran sukuk, dengan pasaran sukuk global melepasi nilai terkumpul USD1 trilion, di samping peningkatan penerbitan sebanyak 11 peratus kepada USD254.3 bilion pada tahun 2024.

Seterusnya, pencapaian didorong oleh pertumbuhan kukuh aset perbankan Islam, yang meningkat sebanyak 21 peratus pada tahun 2024 kepada USD4.3 trilion dan perkembangan stabil dana Islam, Institusi Kewangan Islam Lain (OIFI) serta sektor takaful, yang secara keseluruhan merangkumi aset berjumlah USD637 bilion.

Perbankan Islam terus



mendominasi pengagihan aset kewangan Islam pada tahun 2024 dengan pegangan sebanyak 72 peratus daripada jumlah aset kewangan Islam global. Ini diikuti oleh sukuk sebanyak 17 peratus, dana Islam, 5 peratus, OIFI, 3 peratus dan takaful, 2 peratus.

Melihat ke hadapan, IFDI mengunjurkan jumlah aset kewangan Islam global mencecah USD9.7 trilion menjelang tahun 2029, menandakan pertumbuhan mampan sektor ini.

Walaupun skor keseluruhan petunjuk prestasi kewangan menurun kepada 9 mata, NBD mencatat kekuatan ketara dalam sub-petunjuk takaful dengan menduduki tempat ke-10 dari segi jumlah aset takaful bernilai

USD0.5 bilion.

Peningkatan yang signifikan turut dicatat dalam petunjuk Kesedaran, yang meningkat daripada 24 kepada 44 mata antara IFDI 2024 dan IFDI 2025. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh pertambahan bilangan penerbitan berita berkaitan kewangan Islam.

Dari segi tadbir urus, NBD mengekalkan skor penuh bagi sub-petunjuk peraturan, sekali gus menyumbang kepada peningkatan sederhana skor keseluruhan tadbir urus daripada 71 mata dalam IFDI 2024 kepada 72 mata dalam IFDI 2025. Laporan Pembangunan Kewangan Islam 2025 : 50 Years of Exponential Growth boleh didapati di laman sesawang LSEG.

HALAQAH MEMPERKAYA ILMU, MEMPERKUKUH PENYAMPAIAN DAKWAH



PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-72 bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Persidangan PDI (kiri). Manakala gambar atas dan bawah kiri, suasana pada majlis tersebut.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

PULAIE, Rabu, 7 Januari. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah) hari ini mengadakan Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-72 bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Persidangan PDI.

Seramai 100 orang menyertai halaqah tersebut yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan Jabatan Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kementerian Pertahanan;

PDI, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam serta para pensyarah dan Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) selain pensyarah dan Penolong Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kementerian Pendidikan serta da'ie-da'ie daripada jabatan kerajaan, swasta dan juga Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam.

Terdahulu, Majlis Halaqah

dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, diikuti dengan Surah Al-Fatihah serta bacaan Doa Pelihaaran Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan pembentangan oleh fasilitator jemputan, Penolong Kanan Profesor, KUPU SB, Dr. Haji Harapandi Dahri. Seterusnya, majlis disusuli dengan sesi perbincangan serta soal jawab dibukakan kepada semua peserta dan jemputan yang hadir.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada fasilitator jemputan yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman selaku tetamu kehormat majlis.

Objektif utama penganjuran Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-72 ini adalah untuk menyelarasi isi kandungan ceramah agar penyampaian para penceramah kekal konsisten, mantap serta sentiasa relevan dengan isu semasa dan perkembangan zaman.

Halaqah ini diharap akan dapat mencapai objektif dan matlamat yang dihasratkan, khususnya dalam memperkaya ilmu pengetahuan, membincangkan isu-isu berkaitan serta menggalakkan pertukaran pandangan secara berkesan mengenai tajuk ceramah yang dibentangkan.

Sesi perjumpaan bincang strategik pengurusan, pentadbiran PGGMB

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Januari. - Dalam usaha meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan efektif bagi Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB), Jawatankuasa Tertinggi (JKTT) PGGMB Sesi 2025 hingga 2028 telah membuat beberapa langkah strategik dalam usaha memperbaiki sistem pengurusan dan pentadbiran yang lebih baik dan berkesan.

JKTT telah memilih dan melantik JKT yang berpotensi dan berkeupayaan memajukan lagi PGGMB.

Dalam ucapan ringkas Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri menegaskan agar pegawai dan kakitangan ibu pejabat PGGMB akan dapat mengaplikasikan ciri-ciri

Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam yang telah diamalkan sekian lama agar dapat memberikan inspirasi terhadap budaya kerja cemerlang, mematuhi disiplin dan peraturan kerja yang digariskan oleh PGGMB, selain mengamalkan budaya bekerjasama dan bantu membantu sesama sendiri dan sentiasa berusaha mempertingkatkan kecemerlangan PGGMB.

Sementara, Pengerusi Tetap PGGMB, Dayang Hajah Hanifah binti Haji Apeng pula telah menyampaikan taklimat pentadbiran PGGMB dengan lebih terperinci. Ini merangkumi tugas JKTT, JKT, Setiausaha Bahagian, Penyimpan Wang, NYDP Daerah, Setiausaha Cawangan (SUCA), dan pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat PGGMB.




SESI bergambar ramai Jawatankuasa Tertinggi Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei Sesi 2025 hingga 2028.



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1



2



Bahagian	Status	Libat Pohon
I	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
II	PROSES PERAKUAN	00
III	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
IV	TIDAK HADIR	00
V	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	00
VI	PEMOHON DITERIMA	00

3



WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PENYERAHAN SURAT LANTIKAN AJK BAHARU



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas majlis serta menyempurnakan penyerahan Surat Lantikan AJK Takmir Baharu bagi Sesi 2025 hingga 2027 yang diselenggarakan dengan penyampaian Sijil Penghargaan kepada 33 AJK Takmir bagi Sesi 2023 hingga 2025 (atas, atas kanan dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

TEMBURONG, Khamis, 8 Januari. - Seramai 35 orang telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Selangan, Daerah Temburong bagi Sesi 2025 hingga 2027 dalam Majlis Penyerahan Surat Lantikan yang diadakan di masjid berkenaan, malam tadi.

Pelantikan tersebut bertujuan memastikan pengurusan masjid terus dilaksanakan secara teratur, berkesan dan relevan selaras dengan keperluan semasa masyarakat.

AJK Takmir yang baharu bukan sahaja bertanggungjawab dalam

aspek pentadbiran dan kebajikan masjid, malah turut berperanan memperkasa fungsi masjid sebagai pusat pengembangan ilmu, dakwah serta pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan yang berteraskan syiar Islam.


Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri yang seterusnya menyempurnakan penyerahan surat lantikan kepada para penerima.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pemangku Bilal Masjid Kampung Selangan,

Awang Idrus bin Ahmad, diikuti dengan ucapan khas daripada Pengerusi Takmir Masjid Kampung Selangan, Awang Haji Muhd. Syahmi bin Haji Tuah.

Seterusnya, ucapan daripada tetamu khas majlis, disusuli dengan penyerahan Surat Lantikan AJK Takmir Baharu bagi Sesi 2025 hingga 2027 yang diselenggarakan dengan penyampaian Sijil Penghargaan kepada 33 AJK Takmir bagi Sesi 2023 hingga 2025 sebagai pengiktirafan atas jasa dan sumbangan mereka sepanjang tempoh perkhidmatan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.



PCHS Kohort 2 bentuk masyarakat lebih sihat, produktif



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Januari. - Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Pelancaran Program Cara Hidup Sihat (PCHS) Kohort 2 yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan kelmarin.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Siti Rosemawati binti Haji Md. Yussof.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Awang Shahrizan Hakim bin Haji Sharbini dan seterusnya ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengurus PCHS, Dr. Norhanani Nadzirah binti Haji Md. Taib yang selaku Pegawai Perubatan.

Beliau menjelaskan objektif dan hala tuju PCHS Kohort 2 dalam membentuk masyarakat yang lebih sihat dan produktif.

Majlis turut diserikan dengan tayangan video pelancaran yang memaparkan PCHS serta

kata-kata semangat daripada pakar-pakar dalam bidang perubatan sukan dan senaman, psikologi, pemakanan dan senaman.

PCHS merupakan inisiatif di bawah Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk membantu peserta yang mengalami obesiti dalam pengurusan berat badan melalui pendekatan gaya hidup sihat selama enam bulan.

Program ini mengamalkan pendekatan menyeluruh yang menumpukan kepada peningkatan



KETUA Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Program Cara Hidup Sihat Kohort 2 (kiri), sementara gambar atas, antara yang hadir pada majlis pelancaran tersebut.

kesihatan fizikal, pemakanan yang sihat dan kesejahteraan kesihatan mental melalui pendidikan kesihatan, preskripsi senaman dan sesi senaman berkumpulan, serta strategi perubahan tingkah laku, disokong dengan pemantauan dan bimbingan berterusan oleh Satria Kesihatan.

Peserta juga diberikan jam tangan digital untuk menjejaki aktiviti harian dan status kesihatan.

Pelaksanaan Kohort 2 ini merupakan kesinambungan kepada kejayaan kohort terdahulu

dalam menyokong usaha pencegahan penyakit tidak berjangkit, dan diharapkan dapat membantu peserta membina tabiat sihat yang berkekalan serta diteruskan dalam kehidupan seharian walaupun selepas program berakhir.

Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan berharap agar PCHS Kohort 2 ini dapat memberi manfaat berpanjangan kepada para peserta dan seterusnya menyumbang ke arah peningkatan kesejahteraan kesihatan rakyat negara ini.



SILA IMBAS UNTUK
KHUTBAH LENGKAP

HARGAI MASA DENGAN BAIK & BIJAKSANA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 19 Rejab 1447H / 09 Januari 2026M



جياتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Agama Islam memberikan perhatian yang berat terhadap pengurusan masa yang mana kita semua akan ditanya di akhirat kelak, adakah kita telah menggunakan pemberian atau nikmat-nikmat yang dikurniakan Allah S.W.T itu dengan sebaik-baiknya

Antara perkara-perkara kebaikan yang boleh diamalkan untuk diisi ke dalam aturan masa yang bermanfaat dan berfaedah antaranya:

Sentiasa memperbanyakkan amal ibadat kepada Allah S.W.T dengan ikhlas tanpa jemu

Mengisi masa untuk menimba ilmu pengetahuan

Sentiasa memanfaatkan masa dengan berusaha untuk memajukan diri, keluarga, masyarakat dan negara

Menunaikan tuntutan fardu 'ain seperti mengerjakan sembahyang, puasa dan sebagainya

Masa untuk bersama ahli-ahli keluarga dan masyarakat

Masa untuk memikirkan dan merancang masa depan

Apa yang boleh kita buat?



Marilah kita menghargai dan mengurus masa itu dengan baik dan penuh bijaksana



Gunakan masa hidup ini dengan semaksima mungkin untuk perkara-perkara yang positif khususnya untuk menjalankan misi utama kita diciptakan ke dunia ini iaitu beribadat kepada Allah S.W.T



Hargai masa dengan baik dan bijaksana

kita wajib menghargai nikmat masa dan mengaturnya dengan penuh tanggungjawab dan bijaksana. Daripada Abdullah bin Abas Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Manfaatkan lima perkara sebelum (datang) lima perkara : (Masa) mudamu sebelum (masa) tuamu, sihatmu sebelum sakitmu, (masa) kayamu sebelum (masa) sempitmu, masa lapangmu sebelum (masa) sibukmu dan (masa) hidupmu sebelum (masa) kematianmu". (Hadis Riwayat Al-Hakim)

Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberikan panduan yang jelas tentang pentingnya menggunakan masa dengan bijaksana dan sebaik mungkin, terutamanya semasa kita masih muda, sihat dan berada dalam keadaan lapang. Ini kerana masa yang berlalu tidak akan kembali dan mereka yang gagal menghargainya akan menyesal di kemudian hari.

Imam Asy-Syafii berkata : "Masa itu bagaikan pedang. Jika engkau tidak memotongnya atau menggunakannya (menggunakan masamu dengan baik), maka ia akan memotongmu. Jika dirimu tidak disibukkan dengan kebaikan, pasti akan disibukkan dengan perkara sia-sia".

Cepat sekali masa berlalu meninggalkan kita dan kini kita telah pun berada pada tahun 2026. Begitulah sifat masa yang sentiasa bergerak dan akan terus bergerak tanpa henti. Setiap kita hanya mempunyai masa sebanyak 24 jam sehari semalam. Namun begitu, ada segelintir daripada kita yang tidak mempunyai masa yang cukup dan merasakan bahawa masa itu berlalu dengan begitu cepat sehingga kita mendapati bahawa banyak perkara dan keperluan hidup seharian tidak dapat dipenuhi.

Ketahuilah bahawa masa atau waktu yang berlalu dengan pantas itu adalah termasuk dalam tanda-tanda hampir berlakunya hari kiamat. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tidak akan berlaku kiamat sehingga waktu terasa begitu pantas, maka setahun dirasakan seperti sebulan, sebulan dirasakan seperti seminggu, seminggu dirasakan seperti sehari, sehari dirasakan

seperti satu jam dan satu jam dirasakan seperti satu sambaran api". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Manakala segelintir kita pula mempunyai masa yang cukup dan dapat memenuhi keperluan hidup kita dengan sempurna dan teratur. Perkara ini terjadi kerana kita tahu bagaimana untuk mengurus dan mengatur masa dengan sempurna dan teratur. Dan sebaliknya, akan rugi jika tidak dapat mengurus masa dengan baik. Memandangkan betapa pentingnya masa tersebut, maka agama Islam memberikan perhatian yang berat terhadap pengurusan masa yang mana kita semua akan ditanya di akhirat kelak, adakah kita telah menggunakan pemberian atau nikmat-nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu dengan sebaik-baiknya. Daripada Abu Barzakh Al-Aslami Radiallahuanhu ia berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tidak akan bergerak kedua-dua kaki seseorang hamba itu pada hari kiamat di padang mahsyar sehingga ia disoal tentang umurnya bagaimana dihabiskan, tentang ilmunya apa yang dilakukan dengannya, tentang hartanya dari mana diperoleh dan untuk apa yang ia dibelanjakan dan tentang tubuh badannya bagaimana ia menggunakannya". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Dalam Al-Quran telah dijelaskan sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah mengingatkan bahawa manusia itu sentiasa berada dalam kerugian sekiranya mereka tidak tahu menguruskan masa dengan baik dan menghabiskan masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti berhibur, lepak yang tidak bermanfaat, suka berangan-angan, menabur fitnah dan sebagainya. Justeru, antara

perkara kebaikan yang boleh diamalkan untuk diisi ke dalam atau pun masa yang bermanfaat dan berfaedah antaranya :

Pertama : Sentiasa memperbanyakkan amal ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan ikhlas tanpa jemu. Kedua : Mengisi masa untuk menimba ilmu pengetahuan. Ketiga : Menunaikan tuntutan Fardu Ain seperti mengerjakan sembahyang, puasa dan sebagainya. Keempat : Masa untuk memikir dan merancang masa depan. Kelima : Masa untuk bersama ahli-ahli keluarga dan masyarakat. Keenam : Sentiasa memanfaatkan masa dengan berusaha untuk memajukan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Akhirnya, marilah kita menghargai dan mengurus masa itu dengan baik dan penuh bijaksana. Penuhilah segala ruang dan masa dengan sebaik-baiknya. Kita gunakanlah masa hidup ini dengan semaksimum mungkin untuk perkara-perkara yang positif khususnya untuk menjalankan misi utama kita diciptakan ke dunia ini iaitu beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang sentiasa menghargai dan memanfaatkan masa serta memimpin kita agar terus istiqamah dalam melakukan ketaatan bagi meraih kebahagiaan di akhirat kelak. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa yang telah disediakan untuk hari esok (hari akhirat) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan". (Surah Al-Hashr, ayat 18)

MASA adalah antara nikmat kurniaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ia adalah anugerah yang tidak ternilai, namun sering kali kita alpa dalam menghargainya. Agama Islam memberikan perhatian yang begitu besar terhadap masa. Banyak ibadah utama kita berkait rapat dengan masa. Sebagai contoh, sembahyang fardu lima waktu yang telah ditetapkan pada masa yang tertentu, puasa dan Zakat Fitrah sebagai kewajipan hanya di bulan Ramadan, pembayaran Zakat Harta yang disempurnakan setelah genap haul dan ibadah haji yang hanya boleh dilaksanakan pada masa tertentu pada bulan Zulhijah.

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Januari. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) telah mengadakan sesi taklimat bertajuk 'Penipuan Dalam Talian' bertempat di Hyatt Borneo Management Services sebagai sebahagian daripada usaha berterusan pencegahan jenayah siber.

Taklimat yang disampaikan oleh Ketua Inspektor Adinin bin Haji Ahmad berkenaan telah dihadiri oleh 41 kakitangan syarikat berkenaan, dengan fokus kepada peningkatan kesedaran mengenai modus operandi penipuan dalam talian serta langkah-langkah mengelakkan diri daripada menjadi mangsa.

Antara perkara yang diketengahkan termasuk pengenaltian taktik seperti laman sesawang palsu, penipuan pelaburan tidak wujud, penyamaran sebagai pegawai bank atau pihak berkuasa, serta penipuan jualan dalam talian.

Usaha berkenaan mencerminkan komitmen pihak polis dalam memperkukuh kesedaran masyarakat terhadap ancaman jenayah siber yang semakin berleluasa.

Memperkukuh kesedaran masyarakat terhadap ancaman jenayah siber



SESI bergambar ramai pada taklimat bertajuk 'Penipuan Dalam Talian' bertempat di Hyatt Borneo Management Services kepada 41 kakitangan Hyatt Borneo Management Services.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضِّى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايَبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

KEMPEN KEBERSIHAN WADAH BAGI MEMPERKUKUH SILATURAHIM



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



SEKITAR Kempen Kebersihan di Pusat Khidmat Masyarakat Seria (Community Service Centre), Jalan Lorong 1 Barat, Seria yang telah diketuai oleh Pemangku Pemerintah Daerah Polis Belait, Penguasa Polis (Supt.) Pengiran Abu Naba'a bin Pengiran Haji Yusof (atas, atas kanan dan bawah kanan).

BELAIT, Rabu, 7 Januari. – Sempena Sambutan Hari Polis Ke-105, Daerah Polis Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menganjurkan satu aktiviti kebajikan berupa Kempen Kebersihan di Pusat Khidmat Masyarakat Seria (Community Service Centre), Jalan Lorong 1 Barat, Seria.

Kempen berkenaan diketuai oleh Pemangku Pemerintah Daerah Polis Belait, Penguasa Polis (Supt.) Pengiran Abu Naba'a bin Pengiran Haji Yusof.

Turut serta, pegawai-pegawai kanan, anggota Daerah Polis

Belait, Ketua-ketua Kampung serta Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan (PK).

Penyertaan lebih daripada 100 orang berkenaan jelas mencerminkan semangat kerjasama erat antara pihak polis dan masyarakat setempat dalam menjayakan aktiviti berkenaan.

Pelaksanaan Kempen Kebersihan berkenaan bukan sahaja bertujuan untuk membantu meringankan bebanan warga Pusat Khidmat Masyarakat Seria, malah turut menjadi wadah bagi memperkukuh silaturahim, memupuk rasa tanggungjawab

bersama serta meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kebersihan dan kesejahteraan persekitaran.

Aktiviti berkenaan merupakan salah satu daripada rangkaian program yang dianjurkan bersempena Sambutan Hari Polis Ke-105, selaras dengan komitmen PPDB dalam mengamalkan pendekatan kepolisan berteraskan masyarakat serta memperkukuh penglibatan aktif orang ramai dalam usaha mewujudkan persekitaran yang selamat, harmoni dan sejahtera.



84 penderma sertai Kempen Derma Darah BDFA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



SEBAHAGIAN penderma darah yang hadir menyertai Kempen Derma Darah sempena ulang tahun ke-5 Brunei Darussalam Food Authority (kiri dan kanan).

tersebut, yang mana kali pertama menyertai ialah bulan Mei tahun lalu.

Awang Muhammad Jauhar Jazman seterusnya menyarankan agar orang ramai yang ingin menderma darah untuk menganggapnya sebagai amalan bersedekah walaupun pada awalnya menderma darah ini kelihatan seperti menyakitkan.

Tambahnya, memandangkan ada pesakit yang memerlukan bekalan darah untuk kekal sihat, jadi kita sebagai penderma darah boleh 'meringankan beban' mereka dengan cara ini.

Sementara itu, bagi Pegawai Teknikal BDFA, Dayang Nurfaizilah binti Haji Matussin pula mengongsikan, ini kali pertama beliau menyertai kempen derma darah ini. Jelasnya, meskipun merasa gementar pada mulanya namun semuanya berjalan dengan lancar dan kakitangan perubatan sangat mesra serta profesional,



membuatnya berasa lebih tenang.

Beliau juga menggalakkan orang ramai untuk mencuba menderma darah sekurang-kurangnya sekali kerana ia tidak menyakitkan seperti yang disangka dan satu pendermaan boleh menyelamatkan nyawa.

Selain itu, BDFA turut mengadakan pameran bagi memperkenalkan Pihak Berkuasa tersebut kepada orang ramai.

Pameran ini mempamerkan peranan, fungsi dan perkhidmatan BDFA, termasuk pengenalan kepada Perintah Makanan BDFA yang akan datang.

Di samping itu, pameran ini

memberi peluang kepada para penderma darah dan pengunjung untuk memahami dengan lebih mendalam peranan BDFA dalam menjamin keselamatan makanan dan menyokong kesihatan awam.

Melalui acara ini, BDFA bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan industri terhadap peranan kawal selian, memupuk budaya kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan warga kerja BDFA, serta mengeratkan perpaduan dan semangat keprihatinan melalui inisiatif bermakna yang dipacu oleh komuniti.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Januari. – Brunei Darussalam Food Authority (BDFA), menganjurkan Kempen Derma Darah sempena ulang tahun ke-5 BDFA sebagai tanda pencapaian bermakna melalui penglibatan komuniti dan tanggungjawab sosial.

Acara tersebut diadakan dengan objektif untuk menyokong Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dalam memastikan

bekalan darah yang mencukupi bagi pesakit yang memerlukan.

Inisiatif ini disertai oleh warga kerja BDFA, penyewa Taman Teknologi Anggerek Desa (Anggerek Desa Technology Park, ADTP) serta orang ramai, dengan sejumlah 84 penderma darah berjaya direkodkan sepanjang acara tersebut.

Dalam temu bual bersama Pegawai Teknikal BDFA, Awang Muhammad Jauhar Jazman bin Jamri mengongsikan, ini kali kedua menyertai kempen derma darah

MEMBINA KREDIBILITI PEMIMPIN DALAM KALANGAN BELIA

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ihsan Awang Mohammad Fauzan Haji Abd. Aziz



sebuah sekolah Islam yang terletak jauh di kawasan Bangkok.

Dalam lawatan berkenaan jelas Dayang Sarah, pihak pentadbiran sekolah, khususnya Pengetua, berkongsi cabaran yang dihadapi dalam memastikan kelangsungan pendidikan serta usaha membentuk pelajar berteraskan nilai-nilai Islam.

"Selain itu, salah satu kenangan indah kami ialah berkongsi cenderamata dari NBD, termasuk poskad tempatan dari BWN Souvenir yang kami peribadikan dengan mesej tulisan tangan untuk para peserta dari negara lain.

"Gesture kecil ini diterima dengan penuh kehangatan dan memberi makna besar kepada mereka. Kami amat bersyukur dapat mewakili NBD dalam imej yang positif serta meninggalkan kesan baik kepada rakan-rakan antarabangsa," ujarnya lagi.

Menyentuh mengenai isu yang paling menarik perhatian terangnya lagi, ialah perbincangan mengenai cabaran pendidikan di negara masing-masing.

Sebagai rakyat NBD jelasnya, mereka menyedari bahawa mereka amat beruntung kerana mempunyai akses kepada sistem pendidikan yang baik dan tersusun.

Namun katanya, di beberapa negara lain, terdapat kanak-kanak yang tidak mampu mendapatkan pendidikan asas, malah ada yang terpaksa bekerja di usia muda, seperti menjual makanan di persimpangan trafik.

Perbincangan berkenaan tambahnya, membuka mata mereka tentang realiti ketidakadilan dalam pendidikan global.

"Interaksi dengan belia dari Republik Sosialis Viet Nam, Republik Rakyat Bangladesh, Sri Lanka, Republik India, Republik Filipina, Republik Demokratik Timor-Leste, Malaysia, Thailand dan Republik Indonesia benar-benar membuka mata kami



Dayang Sarah binti Mutalif dan Awang Mohammad Fauzan bin Haji Abd. Aziz Program semasa menghadiri 'Global Youth Congress : Youth power for a better tomorrow!' pada 10 Disember 2025 hingga 12 Disember 2025 di Bangkok, Thailand (atas dan kiri).

terhadap realiti kehidupan di negara lain.

"Perkongsian pengalaman mereka menjadikan kami lebih bersyukur, lebih merendah diri, dan lebih menghargai keamanan serta kemudahan yang dinikmati di NBD. Hubungan yang terjalin juga membolehkan kami membina persahabatan yang bermakna merentas budaya.

"Kami mempelajari kemahiran komunikasi rentas budaya, kepimpinan kolaboratif, pemikiran kritikal serta teknik penyampaian idea yang lebih berkesan dalam suasana antarabangsa. Penyertaan ini turut memperkukuh kemahiran bekerja dalam pasukan pelbagai latar belakang dan keupayaan membina rangkaian secara profesional," ujarnya lagi.

Menyentuh mengenai cabaran pula, beliau menjelaskan, cabaran utama ialah membina keserasian dan kepercayaan dalam kalangan ahli kumpulan dalam tempoh yang singkat, iaitu kurang daripada tiga hari.

Selain itu tambahnya, mereka perlu menyiapkan projek berkumpul dalam masa yang terhad sambil menyesuaikan diri dengan perbezaan budaya, gaya komunikasi dan pendekatan kerja

setiap peserta.

"Kami ingin menggalakkan belia NBD agar berani mencuba peluang baharu, keluar daripada zon selesa dan membina keyakinan diri untuk bersaing serta belajar di peringkat antarabangsa.

"Gunakan kelebihan yang ada untuk terus meningkatkan ilmu dan kemahiran, serta menyumbang secara positif kepada masyarakat. Belia NBD mempunyai potensi besar untuk menjadi pemangkin perubahan sekiranya disertai dengan sikap rendah diri, kesungguhan dan komitmen yang berterusan," ujarnya.

Seramai 25 delegasi belia dari 10 negara Asia Pasifik telah menyertai program berkenaan yang bermatlamat untuk memperluas rangkaian, mencipta projek kolaborasi berimpak, dan mempercepatkan pembangunan peribadi dan profesional bagi para belia yang menyertainya.

Program berkenaan merangkumi Persidangan Belia, Kolaborasi Projek, Latihan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Ucapan Pembawa Perubahan (Changemakers Speech), dan Pertukaran Budaya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Januari. – Dua ahli daripada Persatuan Kemajuan Insan (KESAN), iaitu Dayang Sarah binti Mutalif selaku Setiausaha Agung KESAN; dan Awang Mohammad Fauzan bin Haji Abd. Aziz selaku Ketua Media Sosial (Head of Social Media) telah menyertai Program 'Global Youth Congress : Youth power for a better tomorrow!' pada 10 hingga 12 Disember 2025 di Bangkok, Thailand.

Dalam perkongsian bersama Pelita Brunei, Dayang Sarah merupakan seorang HR Consultant secara profesional dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Systems dan Control Engineering.

Jelasnya, dalam Persatuan KESAN, beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung, iaitu bertanggungjawab menyelaras perancangan strategik serta pembangunan kepimpinan belia.

Sementara itu, Awang Mohammad Fauzan pula berkhidmat sebagai Assistant Engineer di Technical Equipment Maintenance Division (TEMD) dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Mechatronics and

Robotic Systems.

Di Persatuan KESAN, beliau berperanan sebagai Ketua Media Sosial, iaitu mengurus komunikasi digital serta penglibatan belia melalui platform media sosial.

Menyentuh mengenai penyertaan Program 'Global Youth Congress' berkenaan, mereka menjelaskan, sebagai belia Negara Brunei Darussalam (NBD), mereka terdorong untuk melihat sejauh mana keupayaan dan peranan belia negara ini apabila berada bersama belia dari negara-negara lain.

Menurut Dayang Sarah, penyertaan berkenaan juga bertujuan untuk membina kredibiliti mereka sebagai pemimpin dalam masyarakat dan dalam kalangan belia, di samping mengaplikasikan kemahiran komunikasi dan kepimpinan yang telah dipelajari.

Program berkenaan tambahnya, menjadi satu langkah penting untuk keluar daripada zon selesa serta mencabar diri dalam persekitaran antarabangsa.

Semasa temu bual tersebut, dua ahli Persatuan KESAN berkenaan turut mengongsikan antara pengalaman paling bermakna, iaitu lawatan ke Thammislam Foundation School,

Pendedahan pelajar dalam perbahasan bahasa Arab



EMPAT pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah akan mewakili Negara Brunei Darussalam di 7th International Schools Arabic Debating Championship Peringkat Kedua (Lanjutan) yang berlangsung pada 9 hingga 11 Januari 2026 di Doha, Qatar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Januari. - Seramai empat pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB) mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi menyertai 7th International Schools Arabic Debating Championship Peringkat Kedua

(Lanjutan) yang akan berlangsung pada 9 hingga 11 Januari 2026.

Pencapaian yang diperoleh oleh pasukan tersebut dalam Pertandingan Singapore Interschool Arabic Debate Championship (SIADC25) pada 21 hingga 24 Februari 2025

lalu telah membolehkan mereka untuk meneruskan penyertaan ke peringkat lanjutan di Doha, Qatar.

Penglibatan pada peringkat antarabangsa ini diharap dapat memberikan pendedahan dan pengalaman yang bermakna bagi para pelajar khususnya

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam**

dalam bidang bahas bahasa Arab, di samping mengasah kemahiran berfikir kritis serta memanfaatkan peluang untuk menaikkan nama negara di pentas antarabangsa.

Hadir di Lapangan Terbang

Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan belayar kepada para pelajar ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, pihak sekolah serta ahli keluarga para pelajar.

TAKLIMAT KENEGARAAN PUPUK SEMANGAT PATRIOTISME PELAJAR



TAKLIMAT Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' telah disampaikan oleh Ketua Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim di Lecture Theatre 1, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, kepada seramai 141 penuntut Tahun 7 (kiri dan kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam', hari ini.

Taklimat Kenegaraan bagi Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri tersebut dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik bertempat di Lecture Theatre 1 sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Seksyen Kenegaraan dan

Kemasyarakatan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim dan dihadiri oleh seramai 141 penuntut Tahun 7.

Turut hadir, Pengetua Sekolah STPRI, Dayang Hajah Azizah binti Haji Abdul Rahman; Timbalan Pengetua (Pentadbiran), Awang Md. Shahrani bin Haji Mataha dan para tenaga pengajar.

Selain mendengarkan taklimat, para penuntut juga menyaksikan

tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' serta berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi menguji dan menambah kefahaman mengenai kandungan taklimat.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah Kuiz Kenegaraan kepada para penuntut yang menyertai kuiz tersebut yang disampaikan oleh Timbalan

Pengetua (Pentadbiran) sekolah berkenaan.

Program Taklimat Kenegaraan ini merupakan antara usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat patriotisme, solidariti serta kenegaraan yang tinggi dalam diri para penuntut.

Semai semangat perpaduan, hayati fungsi, peranan ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Januari. - Seramai 544 orang penuntut Tahun 7, 8 dan 9 Sekolah Menengah Berakas menghadiri Taklimat Jerayawara Kenali ASEAN, bertempat di Dewan Anggerek sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwat Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan

Komunikasi Korporat, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

Turut hadir ialah pengetua sekolah berkenaan, Pengiran Hajah Norhashimah binti Haji Burut beserta tenaga pengajar.

Pada jerayawara itu, para penuntut juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh pengetua sekolah.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Jabatan Penerangan melalui Meja Hal Ehwat Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI ini mengadakan jerayawara ini bertujuan untuk membarigakan mengenai ASEAN, di samping juga sebagai usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan

(ASEAN-ness) dalam kalangan para pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama juga untuk mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.



KETUA Meja Hal Ehwat Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail ketika menyampaikan taklimat berkenaan.



TAKLIMAT tersebut telah dihadiri oleh seramai 544 orang penuntut Tahun 7, 8 dan 9 Sekolah Menengah Berakas (atas), sementara gambar bawah, antara pelajar yang mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN.





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Krisis Kanak-kanak Obesiti Perlu Ditangani'. Tarikh Tutup : 14 Januari 2026
2. 'Peranan 1K1P dalam Memperkasakan Komuniti Kampung'. Tarikh Tutup : 21 Januari 2026
3. 'Ancaman Berita Palsu terhadap Generasi Digital'. Tarikh Tutup : 28 Januari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Kenyataan Tawaran

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
(169) INFO / PK / K /
7(2025-2026)
Perkhidmatan Penerbitan
Video Korporat
Jabatan Penerangan

Yuran:
BND5.00
(Tidak Akan Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
15 Januari 2026
Jam 8.00 Pagi



**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga:**
(170) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)

Membekal Baju Korporat
Jabatan Penerangan
(Formal)

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga:**
(171) INFO / PK / K /
7(2025-2026)

Membekal Baju Korporat Jabatan
Penerangan (Semi-Formal)

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
15 Januari 2026
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri

**Tawaran Bagi
Ruang Kedai No. 4,
Dewan Kemasyarakatan
Kampung Pandan Kuala Belait
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:-
JDB / BMP / 5.1 / E

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Januari 2026
Jam 12.00
Tengah Hari



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 /
84 / UP / 37

Tajuk Sebut Harga:
Operation And Maintenance
Of Decorative Lightings
At Bandar Seri Begawan
For 42nd National Day
Celebration 2026

**Hari, Tarikh
dan Jam Tutup:**
Khamis,
22 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Iklan Jawatan Kosong

**Penolong Pegawai Narkotik II
(BKN.1-2 EB 3: BND650.00 EB
Khas BND1,350.00)**

Tarikh Tutup:
Rabu,
21 Januari 2026
Jam 4.00 Petang



**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UTM / Q&T /
2025-2026 / 14
Pembekalan Toner Dan Drum
Bagi Mesin Pencetak Brother
HL-L2370DN Dan Brother
HL-L2385DW

Mesin Pencetak:
Brother HL-L2370DN Dan
Brother HL-L2385DW

Keterangan Pembekal:
Toner

Parts Number:
TN-2484 (Yield:4,500 Pages)

Unit Diperlukan:
12

Keterangan Pembekal:
Drum

Parts Number:
DR-2455 (Yield:12,000 Pages)

Unit Diperlukan:
7

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
20 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Pemberitahuan
Sebut Harga
Kementerian Kewangan
Dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
MOFE / UPAH / Q / 2026-1
Kerja-Kerja Provision Of
Troubleshooting And Assessment
Of Existing Johnson Controls
Addressable Fire System At
Ministry Of Finance And Economy
Building, Commonwealth Drive,
Negara Brunei Darussalam

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
MOFE / UPAH / Q / 2026-2
Kerja-Kerja Pembekalan Dan
Pemasangan Alat Pemadam Api
Di Bangunan Kementerian
Kewangan Dan Ekonomi,
Commonwealth Drive, Negara
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran / Dokumen:
Percuma

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu
24 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JBT / 13 / 2025 – 2026
Tawaran Bagi Penyewaan
Ruang-Ruang Gerai
Di Bangunan Milik
Jabatan Bandaran Tutong

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Rabu,
21 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005**

**Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam**

**Saman No. :
BM / MRS / MAL-A / P012A /
0757 / 10-2025**

**Kes Induk :
BM / MRS / MAL-B / S006A /
0756 / 10-2025**

Antara

**Junaidi bin Haji Munap
- Plaintiff / Pemohon**

Dan

**Nur Hidayatul Islam bin
Abdullah @ Then Khang Nyet
- Defendan / Responden**

Kepada : **Nur Hidayatul Islam
bin Abdullah @ Then Khang
Nyet - No. Kad Pintar:
30-207643, Beralamat (Alamat
Terakhir) : No. 12, Simpang 202,
Pandan 7, Jalan Maulana,
Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam**

Kamu adalah dengan ini disaman
supaya hadir secara sendiri atau
melalui Peguam Syarie kamu di
hadapan **Mahkamah Rendah
Syariah Daerah Brunei dan
Muara** pada Rabu, 3 Syaaban
1447H bersamaan / 21 Januari
2026M pada jam 9.00 Pagi untuk
menjawab tuntutan terhadap
kamu oleh plaintif yang
dinamakan di atas, bagi
**Penceraian Dengan Talaq Atau
Dengan Perintah Mahkamah.**

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengarkan
dan memutuskan kes tanpa
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa
jika kamu ingin membela diri
terhadap tuntutan tersebut, kamu
hendaklah memfailkan di
Mahkamah ini dan menyampaikan
kepada Plaintiff suatu pembelaan
dalam Borang yang ditetapkan
sebelum tarikh yang disebut di
atas atau hadir di Mahkamah
pada tarikh itu.

**Bertarikh:
3 Jamadilakhir 1447H /
24 November 2025M**

**Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 004
(JPPK / LTN / 05 / 2025)
Construction Of New Hangar C, Rimba Air Force Base

Kelas:
VI

Kategori:
KA01, B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lapan Belas (18) Bulan

Yuran Tawaran:
BND 5,000.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran pada **Selasa, 20 Januari 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 27 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 002
(JPPK / LTK / 09 / 2025)
Projek Design And Build Bagi Menara Pos Pemerhati Di Pulau Pepatan

Kelas:
III dan Ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01 atau B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Tiga (03) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran pada Jumaat, 9 Januari 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / BOL / 001
(JPPK / LTN / 13 / 2025)
Proposed Design And Build Of Covered Walkway At MINDEF Headquarter, Bolkiah Garrison

Kelas:
III Ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Enam (06) Bulan

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran pada Jumaat, 23 Januari 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Januari 2026
Jam 2.00 Petang.

JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tawaran Bagi Pembekalan, Penghantaran Dan Pemasangan Karpas Serta Tabir Baharu Di Aras 2, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2025 / SH-24

Tarikh Tutup:
Rabu 21 Januari 2026

Kepada:
Pengerusi

Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam Aras Permukaan, Blok B23 Flat Anggerek Desa, Simpang 32-37 Kampong Anggerek Desa, Mukim Berakas, BB3713
Negara Brunei Darussalam.



Tawaran Bagi The Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Upper Air Sonde And Radiosonde System To Meteorological Department

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2025 / LTK-01

Tarikh Tutup:
Selasa,
3 Mac 2026

Kepada:
The Chairman,
Mini Tender Board,
Ministry of Transport and Infocommunications,
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam



Sebut Harga bagi Perkhidmatan / Pembekalan:

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JKBD / 2025 / SH-26
Refurbishment Works For Toilets At Brunei Darussalam Meteorological Department Headquarter Building

Hari / Tarikh / Waktu Tutup:
Rabu,
21 Januari 2026
sebelum jam 9.00 Pagi

Kepada;
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam Tingkat 1, Blok B23, Flat Anggerek Desa, Simpang 32-37, Kampong Anggerek Desa, Mukim Berakas, BB3713
Negara Brunei Darussalam



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta saiz / bidang kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** "Salinan skrin dan pengesahan Main Kelengkapan Pengkiran Kelulusan (PCKL) yang berkenaan"
4. **Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Seikarang"** di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. **Lengkapkan Maklumat** (tarikh / peperiksaan / peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan / latihan / latihan profesional dan lain-lain yang dipaparkan di dalam skim iklan)

Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

Talian WhatsApp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN



JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

JPP / 1 / 3 / 16 / 4 / 25-26
Quotation of Supply and Delivery Online Subscription Services for Management Services Department, Prime Minister's Office

Yuran Sebut Harga (E-dokumen):
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
14 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(18-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03
Pembekalan Dan Penghantaran Kartirj Dakwat Dan Toner Pencetak Bagi Kegunaan Pegawai Dan Kakitangan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(19-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03
Pembekalan Dan Penghantaran Sampul Surat Percetakan Urusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Bagi Semua Unit Dan Bahagian Dibawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) Untuk Tempoh 12 Bulan

Tarikh Tutup:
Khamis,
15 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**

Info Pemohon Skim Iklan

Bilangan Iklan	2022/24/03	Bahagian	8
Jawatan	PEGAHIL TUGAS TUGAS KRIS TINGKAT II	Tajuk Gaji	5,128.3
Kementerian	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	Enkungan	1
Jabatan	PUSAT BELIAH BRUNEI	Jenis Iklan	754
Unit		Tarikh Mula	25 SEPTEMBER 2023
		Tarikh Tutup	15

SKIM IKLAN



جوالن سالىنن كمبر ٢ دىكىتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

MENGUKUHKAN SEMANGAT SOLIDARITI, PATRIOTIK PENUNTUT



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik hari ini mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bertempat di Dewan Auditorium Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS).

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Ketua Seksyen Kenegaraan

dan Kemasyarakatan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim, kepada seramai 147 penuntut Tahun 7.

Turut hadir, Timbalan Pengetua (Pentadbiran), Dayang Norliza binti Haji Suhailee serta para tenaga pengajar.

Selain mendengarkan taklimat, para penuntut juga menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' serta berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi menguji dan menambah kefahaman mengenai kandungan taklimat.

Taklimat berkenaan diakhiri dengan penyampaian hadiah Kuiz Kenegaraan kepada para penuntut yang menyertai kuiz berkenaan disampaikan oleh Timbalan Pengetua (Pentadbiran) maktab berkenaan.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Dengan adanya program seumpama berkenaan juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



TAKLIMAT Kenegaraan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim, kepada seramai 147 penuntut Tahun 7 di Dewan Auditorium Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (atas dan kiri), manakala gambar bawah, salah seorang penuntut semasa menyertai Kuiz Kenegaraan pada acara berkenaan.



Tingkatkan pertumbuhan tanaman hasil tuaian



SEKITAR majlis tersebut yang diadakan di Stesen Pengembangan Pertanian Tutong, Kampung Birau (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, Baja Cecair Hi-N yang kaya dengan nitrogen bagi mempertingkatkan pertumbuhan tanaman serta hasil tuaian yang banyak.

TUTONG, Rabu, 7 Januari. - Syarikat DynamicsGrow telah mengeluarkan produk Baja Cecair Hi-N bagi mempertingkatkan

pertumbuhan tanaman serta hasil tuaian yang banyak dan produk ini merupakan produk tempatan (Made in Brunei).



Sehubungan itu, bagi memperkenalkan baja tersebut kepada para peladang di Daerah Tutong, satu jerayawara mengenai baja berkenaan telah diadakan di Stesen Pengembangan Pertanian Tutong, Kampung Birau, di sini.

Pengarah Urusan syarikat tersebut, Awang Haji Abdul Malek@Haji Abdul Rani bin Haji Awang Mohammad dalam taklimatnya antara lain menjelaskan DynamicsGrow telah membuat Baja Cecair Hi-N yang kaya dengan nitrogen.

Jelasnya, Hi-N menyokong peringkat awal pertumbuhan tanaman dan membantu perkembangan yang kukuh serta menghasilkan daun yang subur dan hijau menawan.

Menurut analisis Nutrien 'N' konsentrasi sebanyak 21.9 peratus; Nutrien P205 konsentrasi sebanyak 8.3 peratus dan konsentrasi Nutrien K20 sebanyak

Oleh : Pg. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

3.7 peratus.

Ciri-ciri baja cecair Hi-N adalah sesuai untuk pertumbuhan awal dan diformulasikan untuk membantu meningkatkan tahap pertumbuhan awal serta sayur-sayuran.

Di samping menggalakkan daun hijau yang subur dan sihat. Tumbuhan berdaun boleh menghasilkan lebih banyak tenaga, yang kemudiannya menyokong pembangunan dan pengeluaran buah.

Cecair baja tersebut sesuai untuk semua jenis tumbuhan. Selain cecair Baja Hi-N, DynamicsGrow juga memperkenalkan produk Baja Cecair Hi-K dan Perawat Tanah Terra Nutrio.

DynamicsGrow juga menyediakan perkhidmatan seperti mengukur PH dan NPK tanah,

menanam padi, mengetam padi menggunakan operator, meradu, penyemburan baja dan racun perosak, perundingan dan perkhidmatan selepas jualan dan imbasan dron.

Untuk mengetahui maklumat yang lebih lanjut mengenai produk cecair baja hasil DynamicsGrow, orang ramai boleh menghubungi menerusi talian +673 8265111.



IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. **Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.**

JIS RAIKAN 2 PELAJAR CEMERLANG

■ Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Januari. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) dengan bangganya meraikan pencapaian cemerlang para pelajarnya dalam Anugerah Outstanding Pearson Learner Awards (OPLA).

Susulan peperiksaan tahun 2025, dua orang pelajar JIS menerima pengiktirafan Markah Tertinggi di Dunia bagi kelayakan Pearson Edexcel International GCSE mereka.

Setiap tahun, Anugerah OPLA diberikan kepada pelajar Pearson Edexcel yang menduduki mana-mana kelayakan Pearson dalam sesuatu siri peperiksaan dan berjaya memperoleh markah

tertinggi bagi subjek masing-masing di peringkat negara, rantau, malah dunia.

Penerimaan anugerah ini membuktikan pencapaian luar biasa pelajar berbanding ribuan calon lain yang mengambil subjek yang sama di dalam negara dan peringkat global.

Awang Nu'man bin Lamun / Khairulanwar, merupakan pelajar tajaan biasiswa Kementerian Pendidikan (MoE), dan Paul Abraham masing-masing mencapai Markah Tertinggi di Dunia bagi kelayakan Pearson Edexcel International GCSE Matematik A.

Selain itu, Paul juga memperoleh Markah Tertinggi di

Brunei Darussalam bagi Pearson Edexcel International GCSE Kimia.

Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan dalam ucapannya menjelaskan, dua orang pelajar yang menerima pengiktirafan Markah Tertinggi di Dunia merupakan satu detik yang amat luar biasa bagi komuniti sekolah mereka.

Tambahnya, pencapaian Awang Nu'man dan Paul bukan sahaja mencerminkan bakat dan keazaman mereka, malah hasil usaha bersama para guru dan keluarga mereka dan mereka amat berbangga dan mengharap kejayaan seterusnya dalam perjalanan akademik mereka di peringkat 'A' Level di JIS.



AWANG Nu'man bin Lamun/Khairulanwar dan Paul Abraham dengan pengiktirafan Markah Tertinggi di Dunia bagi kelayakan Pearson Edexcel International GCSE mereka.

Pelajar JIS terima anugerah atas pencapaian markah tertinggi



PEARSON Education telah menganugerahkan sebanyak 16 Anugerah Pelajar Cemerlang Pearson (Outstanding Pearson Learner Awards - OPLAs) kepada 13 pelajar Sekolah Antarabangsa Jerudong atas pencapaian markah tertinggi di Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Januari. - Berikutan pencapaian cemerlang keputusan peperiksaan IGCSE dan 'A' Level oleh para pelajar Sekolah Antarabangsa

Jerudong (Jerudong International School - JIS) pada 2025, Pearson Education telah menganugerahkan sebanyak 16 Anugerah Pelajar Cemerlang Pearson (Outstanding

Pearson Learner Awards - OPLAs) kepada 13 pelajar atas pencapaian markah tertinggi di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Setiap tahun, OPLA berkenaan

diberikan kepada pelajar Pearson Edexcel yang menduduki sebarang kelayakan Pearson dalam sesuatu siri peperiksaan dan berjaya memperoleh markah tertinggi bagi mata pelajaran mereka sama ada di peringkat negara, serantau mahupun global.

Dengan menerima anugerah berkenaan, para pelajar telah menunjukkan prestasi yang amat cemerlang berbanding ribuan pelajar lain yang menduduki mata pelajaran yang sama di dalam negara mereka dan di seluruh dunia.

Ethan Cui telah memperoleh markah tertinggi di NBD bagi tiga peperiksaan IGCSE, iaitu Biologi, Kimia dan Fizik. Manakala, Marchella Joseph pula memperoleh markah tertinggi di NBD bagi dua peperiksaan IGCSE, iaitu Kesusasteraan Bahasa Inggeris dan Geografi.

Selain itu, 11 pelajar telah mencapai markah tertinggi di NBD bagi satu peperiksaan IGCSE atau 'A' Level, termasuk pelajar penerima biasiswa Kementerian Pendidikan, iaitu Awang Muhammad Akif Fadli bin Isma-Norfaizal (IGCSE History),

Awang Muhammad Ayyub bin Haji Azlan (IGCSE English Language 'A'), Awangku Nik Haris bin Pengiran Adli Firdaus (IGCSE Science - Double Award), Emma Barton (IGCSE Geography), Lokesh Thinagar (IGCSE Mathematics 'A'), Mintong Li (GCE 'A' Level Mathematics), Oliver May (IGCSE Mathematics 'A'), Paul Abraham (IGCSE Chemistry), Pengiran Qaiyimah Nurul Bolkiah binti Pengiran Haji Mohd. Hakimmuddin (International 'A' Level Physics), Phoebe Liew (International 'A' Level Economics) dan Uzonna Mbonu (IGCSE Business).

Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan, menjelaskan bahawa anugerah - anugerah berkenaan bukan sahaja meraikan pencapaian akademik yang cemerlang, malah ketabahan serta komitmen para pelajar kami terhadap pembelajaran.

Jelasnya, kejayaan mereka mencerminkan kecemerlangan yang kami galakkan di JIS, dan kami menantikan dengan penuh keterujaan untuk melihat pencapaian seterusnya yang akan mereka capai.

BASMIDA anjur Majlis Khatam Al-Quran

■ Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

JERUDONG, Jumaat, 9 Januari. - Seramai 45 peserta daripada Bersatuan Basmi Dadah (BASMIDA) diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Memperingati Peristiwa Israk dan Mikraj anjuran Kumpulan Dikir dan Tausyeh (Wanita) BASMIDA, bertempat di Dewan Masrain Ar-Raiyan, Jerudong, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Yang Dipertua Bersatuan BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohammad Ali.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Takhtim beramai-ramai yang dipimpin oleh Dayang Norsinah binti Haji Hidup, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas oleh para peserta khatam.

Bacaan Doa Khatam pula dibacakan oleh Dayang Rosliza Faiz binti Mohamad Hata.

Manakala, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan doa penutup majlis dibacakan oleh Dayang Hajah Asmah binti Paidin.

Dalam ucapan penghargaanannya, Yang Dipertua Bersatuan BASMIDA menjelaskan bahawa acara berkenaan antara lain bertujuan memperingati peristiwa Israk dan Mikraj.

Tambahnya, ia juga berperanan untuk mengingatkan kita semua tentang perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang mewajibkan sembahyang lima waktu, yang bermula semasa peristiwa agung tersebut.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan sesi bergambar ramai.



MAJLIS Khatam Al-Quran sempena Memperingati Peristiwa Israk dan Mikraj anjuran Kumpulan Dikir dan Tausyeh (Wanita) BASMIDA, bertempat di Dewan Masrain Ar-Raiyan, Jerudong.

PRODUK KESIHATAN DICEMARI BAHAN TERLARANG

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan satu produk kesihatan yang mana hasil dari ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang / bahan racun berjadual yang tersenarai dalam Akta Racun 1956 yang tidak diisytiharkan.

Produk berkenaan ialah Jamu Ajaib Untuk Sakit Urat, Sakit Pinggang dan Lutut dari kilang Dukun Haji Salleh bin Mat 10 Kampung Perak, Kelantan Malaysia yang dicemari dengan Betamethasone dan Dexamethasone.

Bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan - kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Pengambilan Kortikosteroid Dexamethasone dan Betamethasone secara berpanjangan tanpa pengawasan boleh menyebabkan peningkatan pada paras gula dalam darah yang mengakibatkan penyakit kencing

manis, tekanan darah tinggi, katarak, penyakit otot dan tulang serta meningkatkan risiko jangkitan yang teruk.

Pengambilan Kortikosteroid dalam jangka panjang juga boleh mengakibatkan Cushing's Syndrome yang mana ciri-cirinya adalah seperti muka bulat atau *moon face* serta kegemukan pada bahagian atas badan dengan anggota kaki dan tangan yang kurus.

Pengguna - pengguna yang telah mengambil dos steroid yang tinggi dalam tempoh masa yang lama mungkin mengalami gejala penarikan atau *withdrawal symptoms* jika pengambilan steroid diberhentikan secara mendadak.

Ini termasuk keletihan, sakit otot dan sendi, demam, kadar gula dalam darah yang rendah, tekanan darah yang rendah dan dehidrasi apabila steroid dihentikan tanpa pengawasan doktor.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan bagi penjualan produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau memakan produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta merta. Jika mereka mengalami kesan *advers* dan merasa tidak sihat selepas memakan produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk tersebut (termasuk penjualan secara *online* seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 untuk menjual mana-mana produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah Akta berkenaan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND8,000 atau penjara enam bulan, jika didapati bersalah.

Tambahan pula, jika seseorang melakukan sesuatu atas kecuaiannya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika didapati bersalah, akan didenda sebanyak BND16,000 dan 12 bulan penjara.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk



JAMU Ajaib Untuk Sakit Urat, Sakit Pinggang dan Lutut dari kilang Dukun Haji Salleh bin Mat 10 Kampung Perak, Kelantan Malaysia dicemari dengan Betamethasone dan Dexamethasone.

berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan

208; menghantar e-mel kepada pharmacy.enforcement@moh.gov.bn; berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A' atau hubungi Talian Darussalam 123.

Senarai premis makanan diberikan Sijil Halal, permit

PERMOHONAN BAHARU	
SIJIL HALAL	
1.	SUBSTATION RESTAURANT AND CATERING SDN BHD (CAWANGAN HOSPITAL TUTONG)
2.	FUN2 STEAMBOAT & GRILL (FKA: FUN2 STEAMBOAT GRILL ENTERPRISE)
3.	ANGEL CARE HOUSE (CAWANGAN LAMBAK)
4.	COFFEE INDUSTRY ENTREPRENEUR
5.	AFTER CHUKKAS RESTAURANTE ASADOR
6.	BORNEO KOPITIAM RESTAURANT AND CATERING (CAWANGAN KIOSK GROUND FLOOR, GADONG)
7.	GRIPSS CAFE (GONG CHA) [CAWANGAN KAMPUNG SALAR]
8.	JAMARANE ENTERPRISE (KANTIN SEKOLAH RENDAH PANCHOR MURAI)
9.	JOLOKIA RESTAURANT
10.	MALSA RESTAURANT & CATERING (FKA: MALSA RESTAURANTS & CATERING)
11.	PERUSAHAAN ANIQ SYAFIL
12.	SUASANA KOPITIAM (FKA: OLD BABA KOPITIAM)
13.	THE SIBS ENTERPRISE (THE SIBS)
14.	RISE SDN BHD (CHEWIE)
PERMIT	
1.	DAPUR LAGENDA BN
2.	RISE SDN BHD (CHEWIE)

PERMOHONAN MEMBAHARUI	
SIJIL HALAL	
1.	ASSALAM TRADING COMPANY
2.	LAMEE RESTAURANT [CAWANGAN WARONGI]
3.	PHOENIX STAR COMPANY
4.	SMALL VILLAGE CAFE & RESTAURANT
5.	SUBBS KITCHEN RESTAURANT & CATERING [CAWANGAN KIARONG]
6.	SUBSTATION RESTAURANT AND CATERING SDN BHD [CAWANGAN RIMBA POINT]
7.	SUBSTATION RESTAURANT AND CATERING SDN BHD [CAWANGAN UBD]
8.	YA-NUR TRADING COMPANY SDN BHD (CAWANGAN LAKIUN CAMP TEMBURONG) (KANTIN)
9.	AIDA NABILA CAFE
10.	ARZEEQ SON BIID
11.	THE POTATO HABIT [CAWANGAN PETANI MALL, TUTONG]
12.	YA-NUR TRADING COMPANY SDN BHD (CAWANGAN SALAMBIGAR)
13.	OTCINC SDN BHD (PIZZAHUT) [CAWANGAN BUNUT]
14.	PAR FOOD & BEVERAGE SDN BHD (THE COFFEE BEAN & TEA LEAF) (CENTRAL KITCHEN, SUNGAI OROK)
15.	HJH ROSNI AMAN DAN ANAK-ANAK
16.	TUMPI SABAR MENANTI RESTAURANT & CATERING SERVICES (CAWANGAN KG. SENGKURONG B)
17.	SERI MERADUN RESTAURANT
18.	ALMALABAR RESTAURANT SDN BHD [CAWANGAN MUMONG]
19.	ALMALABAR RESTAURANT SDN BHD [CAWANGAN PANDAN 4]
20.	ALMALABAR RESTAURANT SDN BHD [CAWANGAN SUNGAI LIANG]
21.	DERIMBA RESTAURANT
22.	ENTREK (B) SDN BHD (JOLLIBEE) [CAWANGAN BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT]
23.	ENTREK (B) SDN BHD (JOLLIBEE) [CAWANGAN MUARA HIGHWAY]
24.	ENTREK (B) SDN BHD (JOLLIBEE) [CAWANGAN ONECITY SHOPPING COMPLEX]
25.	KATE'S CATERING RESTAURANT [CAWANGAN JALAN MCKERRON KB]
26.	KATE'S CATERING RESTAURANT [CAWANGAN KG SUNGAI TALU]
27.	KATE'S CATERING RESTAURANT [CAWANGAN SUNGAI LIANG INDUSTRIAL PARK]
28.	OTCinc SDN BHD (PIZZA HUT) [CAWANGAN AIRPORT MALL]
29.	OTCinc SDN BHD (PIZZA HUT) [CAWANGAN RIMBA]
30.	SERIKANDI CAFE & RESTAURANT [CAWANGAN SERIA] (RAMPAI SARI, 1ST FLOOR)
31.	SERIKANDI CAFE & RESTAURANT [CAWANGAN SERIA] (MURAI LOUNGE GROUND FLOOR)
32.	SERIKANDI CAFE & RESTAURANT [CAWANGAN KUALA BELAIT]
33.	SERIKANDI CAFE & RESTAURANT [CAWANGAN PANAGA CLUB GOLF, SERIA]
34.	SERIKANDI CAFE & RESTAURANT [CAWANGAN RESTHOUSE KB KANTIN]
35.	TAROBUBBLEZONECAFE
36.	KYSAR SDN BHD [CAWANGAN LAMBAK KIRI]
37.	KYSAR SDN BHD [CAWANGAN RIMBA]

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa bagi bulan Disember 2025, beberapa premis makanan di negara ini telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan / atau permit sama ada bagi permohonan baharu atau pembaharuan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Dalam jumlah tersebut, permohonan baharu Sijil Halal adalah sebanyak 14 telah diluluskan manakala permit pula diluluskan sebanyak dua permohonan.

Seterusnya, bagi permohonan memperbaharui Sijil Halal dan permit pula di mana sebanyak 37 permohonan Sijil Halal telah diluluskan dan permit pula sebanyak lima permohonan telah diluluskan.

Bagi orang ramai yang ingin mengetahui senarai premis makanan yang telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan / atau permit, sama ada bagi permohonan baharu atau pembaharuan oleh MUIB, awda boleh merujuk kepada infografik yang disediakan.

Bagi senarai lengkap premis makanan di seluruh negara yang telah diberikan Sijil Halal atau Permit MUIB, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang rasmi KHEU di www.kheu.gov.bn atau boleh merujuk Instagram Bahagian Kawalan Makanan Halal

No	PERMOHONAN BAHARU SIJIL HALAL DAN PERMIT	JUMLAH DILULUSKAN
1	SIJIL HALAL	14
2	PERMIT	2
No	PERMOHONAN MEMBAHARUI SIJIL HALAL DAN PERMIT	JUMLAH DILULUSKAN
1	SIJIL HALAL	37
2	PERMIT	5

@halal.bn untuk maklumat dari semasa ke semasa. sila hubungi WhatsApp +673 7103111 atau e-mel kepada Bkmh@mora.gov.bn.

Sebarang pertanyaan lanjut

PERMIT	
1.	ARZEEQ SON BIID
2.	KFY TRADING COMPANY
3.	DOUBLE M GENERAL STORE SDN BHD
4.	BLUE VALLEY BEVERAGE SDN BHD
5.	SYARIKAT AYU ALAINA



Jangan Memandu Dibawah Pengaruh

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA



Always Wear a seatbelt No mobile phones while driving Speeding is dangerous Do not drive under influence Wear helmet and proper attire while riding Always watch out for other road users Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn



Ombak Yang Pahit , Cinta Yang Kekal Abadi

Oleh : Bayu Awana

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

AKU adalah anak lelaki yang pertama dari empat orang adik-beradik. Gagal ketika berada di dalam tingkatan enam, aku lalu melanjutkan pelajaranku ke sekolah vokasional dan akhirnya bekerja sebagai pekerja *offshore*. Selalu dalam benak orang ramai pekerjaan ini adalah sesuatu yang senang dan dapat memberikan kekayaan yang luar biasa. Aku yang berada di dalam bidang ini lebih sepuluh tahun, hanya mampu ketawa kecil. Alhamdulillah, gajinya memang besar dibandingkan dengan pekerjaan yang ada di darat dengan hanya kelulusan diploma. Di sebalik itu, hanya Allah yang tahu betapa aku rasa lelah.

Bayangkan, dalam tiga ratus enam puluh hari, separuh daripada itu selalunya aku akan berada di tengah lautan. Bekerja di bawah terik matahari, dalam dua belas jam sehari tanpa henti, kadang makan kadang-kadang menahan lapar, kadang aku hanya mampu mengisi perutku dengan roti sampai habis waktu bekerja. Ini adalah kerana kami mesti bekerja semasa pekerja syarikat lain berehat disebabkan risiko yang ada, selalunya, ketika waktu makan tengah hari.

Dengan rutin yang sama dalam tempoh panjang, aku korbakan masa bersama keluarga, masa bersama isteri tercinta, dan kehilangan masa-masa emas untuk melihat pembesaran anak, yang tidak akan dapat diganti dengan berjuta wang ringgit mahupun emas permata. Aku berkorban tenaga, mimpi, tidur, dan keselamatan di lautan dan ketika melakukan pekerjaan kerana aku bekerja menggunakan mesin yang

boleh menyebabkan kanser.

Semua lelahku hilang bila isteriku menelefon ku melalui video *call*. Isteriku, yang bekerja sebagai guru secara sambilan adalah seorang yang sabar dan rajin. Walau aku jauh nun di sini, isteriku selalu memberiku semangat dan motivasi bila semangatku merudum jatuh. Tambahan lagi dengan ekonomi dan sumber utama di sini yang semakin lupus, aku merasa gelisah melihat satu-satu pekerja dibuang pekerjaan, tambah-tambah lagi jika pekerja tersebut tidak dapat dirunding sewenang-wenangnya.

Ramai daripada kami yang sanggup bekerja di luar skop ataupun ditambah skop lain yang selalunya dilakukan oleh tiga orang, kontrak dipinda sesuka hati atasan dan dibuang sesuka hati lebih awal, dengan alasan syarikat tidak mampu menanggung pekerja sehingga kontrak tamat. Hairannya, yang dibuang lantas digantikan dengan graduan baru melalui program pekerjaan yang lebih murah bayarannya. Aku telah bersedia awal dan pasrah.

Pada suatu hari, aku dipanggil ke pejabat ketika cuti. Surat notis telah pun diberikan kepadaku dan beberapa pekerja yang lain. Sudah seperti yang ku duga. Aku berasa sedih. Juga berasa hilang arah. Sepanjang jalan ke rumah, aku berfikir cara menanggung kedua ibu bapaku yang sudah uzur, isteri yang gajinya kecil, anak yang kian membesar. Tangisanku seakan kering tanpa keluar sedikit pun.

Aku melangkah masuk ke rumah dengan muka yang kusut. "Sayang, sayang okay?" panggil isteriku. Aku hanya mampu memandangnya dan

memberikan surat notis. Isteriku tersenyum. Ini bukan respons yang ku bayangkan. "Inara tahu. Apa sahaja kepunyaan Allah di bumi ani sayang, akan hilang suatu hari nanti. Ani ujian untuk *kitani*. InsyaaAllah, *kitani* hadapi sama-sama."

Keesokan harinya, isteriku bangun awal seperti biasa. Tanpa gagal, isteriku selalu memastikan aku cukup makan bila aku berada di rumah. Walau kadang aku sendiri tidak pasti sama ada wang yang ku berikan bulan-bulan cukup. Aku selalu memberitahunya untuk minta saja kepadaku jika wang yang diberikan tidak cukup. Aku kagum dengan isteriku, dia selalu mampu bersangka baik. Isteriku, dengan kelayakan akademiknya, dan kepintarannya mungkin mampu untuk menjawat posisi atasan, tetapi dia belum diberikan rezeki.

Aku menghirup kopi di meja makan dan berangan-angan lagi. Tiba-tiba, isteriku duduk di sebelahku dan tersenyum sambil memegang tanganku. "Sayang, janganlah difikirkan benda yang kita tidak boleh ubah. Bukan sayang yang tidak kompeten untuk dipertahankan, tetapi nasib tidak menyebelahi kita." Seakan-akan dapat membaca fikiranku, isteriku cuba menenangkanku. "Jom."

Aku hairan kerana tiba-tiba isteriku menarik tanganku ke ruang tengah. Isteriku mengeluarkan sesuatu dari laci yang ada. "Sayang, ani ada beberapa wang tunai. Ani simpanan *kitani* berdua memandangkan ekonomi pasang surut dan Inara takut perkara cemani berlaku. Inara mahu sayang gunakan wang ani untuk memulakan bisnis, dari kecil kecilan. InsyaaAllah dapat membantu sedikit sebanyak." Aku tergamam. Bila isteriku menyimpan pun aku tidak

pernah sedar. "Ini bil-bil yang sudah Inara lunaskan tahun ani termasuk yuran sekolah anak-anak." Mataku mula berkaca dan aku memeluk isteriku erat. "Sayang janji sayang akan bayar balik wang ringgit ini bila sayang berjaya sudah. Terima kasih isteriku."

Sungguh, pekerjaan yang selama ini tempatku menghambakan masaku, tidak akan bertahan bersamaku, ataupun tidak akan mengerti permasalahanku. Isteriku, anak-anakku adalah harta yang paling berharga yang tidak ternilai dengan wang ringgit. Semenjak dari hari itu, aku rajin berusaha untuk bisnis baru yang ku bina dengan bantuan isteri.

Inara mengajarkan aku memancing rezeki dan bukan hanya meratapi, menyesali nasib. Inara banyak membantuku dan sikap *husnuzonnya* membuatkan aku semakin kagum. Mungkin kerana sifatnya yang baik, doa-doanya yang tidak putus untukku, menjadikan dirinya selalu di dalam lindungan dan pertolongan Allah. Aku akhirnya mampu menjana keuntungan perniagaan yang malahan lebih daripada gajiku. Yang paling penting, aku mampu mengatur masaku lebih baik untuk isteriku tercinta dan aku tidak pernah tidak hadir untuk anak-anak.

Untuk bidadariku Inara, walaupun lima tahun sudah kau kembali ke penciptamu, tapi kau masih bertakhta di hati, ingatan dan doaku. Aku percaya, kau bangga di sana melihat kejayaanku dan anak-anak yang kau bimbing dengan penuh kasih sayang dan ihsan dulu kala. Al-Fatihah sahaja mampuku kirimkan untukmu setakat ini. Aku berdoa, moga suatu hari nanti, kau dan aku akan berjumpa lagi di syurganya.

Langkah yakin pelajar memulakan tahun 2026

PERMULAAN tahun 2026 menjadi detik penting buat para pelajar melangkah ke fasa baharu dalam dunia pendidikan. Sikap positif, persediaan mental serta sokongan daripada guru dan ibu bapa mampu

membantu pelajar memulakan sesi persekolahan dengan lebih yakin dan bersemangat. Dengan perancangan yang teratur serta azam yang jelas, pelajar bukan sahaja dapat menyesuaikan diri dengan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

persekitaran baharu, malah berupaya mencapai kecemerlangan sepanjang tahun 2026.



AWANG Ahmad Ziyad bin Sofry,
Yang Dipertua Majlis Perwakilan
Pelajar bagi sesi 2025/2026,
Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah

SEBAGAI seorang ahli Majlis Pelajar, saya membuat persiapan dari segi mental, disiplin diri dan perancangan yang lebih tersusun. Di samping itu, saya juga mengulang kaji soalan-soalan tahun lepas, menyeimbangkan aktiviti sukan serta memastikan mendapat rehat yang mencukupi. Saya menetapkan matlamat peribadi untuk menjadi seorang pelajar yang lebih bertanggungjawab dan proaktif, bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam kepimpinan. Selain itu, kami selaku Majlis Perwakilan Pelajar turut bekerjasama dengan para

guru dalam menyediakan aktiviti semasa program Youth Empowerment sebagai program pembukaan sekolah bagi mencergaskan semula para pelajar sebelum memulakan pembelajaran bagi peringkat A2. Pada sesi persekolahan tahun ini, perkara yang paling saya nantikan ialah peluang untuk bekerjasama dengan pihak sekolah dalam menjayakan pelbagai aktiviti serta persiapan bagi pengambilan penuntut baharu tingkatan enam. Saya juga menantikan suasana pembelajaran yang lebih positif dan proaktif. Sebagai ahli Majlis Pelajar, saya berharap dapat menjadi jambatan penghubung antara pihak sekolah dan para pelajar demi mewujudkan persekitaran sekolah yang lebih harmoni, aktif dan berdaya saing.

DAYANG Nur Najibah Izzati binti Haji Ali Rahman, Vice President 1
Pembimbing Rakan Remaja,
Maktab Duli Pengiran Muda
Al-Muhtadee Billah

SEBAGAI pelajar, saya membuat persiapan dengan lebih teratur dan berdisiplin, terutamanya dari segi pengurusan masa dan mental. Saya menyusun semula jadual pembelajaran agar lebih sistematik. Di samping itu, saya turut mengulang kaji semula topik-topik tahun sebelumnya bagi memastikan saya masih mengingat dan memahami asas pembelajaran dengan

baik. Selain itu, saya juga mempersiapkan diri dari segi emosi dengan mengekalkan sikap positif serta bersedia menghadapi apa juga cabaran. Pada sesi persekolahan tahun ini, saya paling menantikan peluang untuk memperkukuhkan pengetahuan akademik serta mengembangkan kemahiran seperti kepimpinan, komunikasi dan kerjasama melalui aktiviti sekolah dan kokurikulum. Saya juga berharap dapat memanfaatkan sepenuhnya bimbingan guru-guru saya sebagai persediaan menghadapi peperiksaan 'A' Level pada tahun ini.



DAYANG Nur Amni Iman binti Haji Abdul Rahim,
Pelajar Tahun 11S1,
Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri

CARA saya memulakan penggal ini dengan yakin adalah dengan mengulang kaji pelajaran, seminggu atau dua minggu sebelum buka sekolah. Saya juga mengatur jadual dan berazam untuk meningkatkan pelajaran saya dengan lebih baik lagi dengan bantuan jadual tersebut. Perkara yang paling saya nantikan pada sesi persekolahan tahun ini ialah untuk berjumpa dengan kawan-kawan dan guru-guru. Selain memulakan pelajaran, saya juga tidak sabar untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang akan diadakan di sekolah. Walau bagaimanapun, saya akan mengutamakan pelajaran untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan yang akan saya hadapi.

DAYANG Nur Alya Rifqah binti Haji Azmi, Pelajar Tahun 10S3,
Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri

CARA saya membuat persiapan untuk memulakan penggal ini dengan yakin adalah pertama dengan membetulkan niat iaitu niat ingin mahu belajar dan ingin berjaya dalam bidang akademik. Kedua, membuat rancangan yang tersusun dalam menyediakan jadual yang fleksibel untuk memastikan semua kerja sekolah dapat diselesaikan tepat pada waktunya. Yang paling saya nantikan adalah bertemu rakan-rakan dan guru-guru dan berkongsi pengalaman ketika cuti sekolah. Selain itu, saya juga tidak sabar menanti pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik dengan tugas-tugas yang lebih mencabar.



AWANGKU Uzair Darwish bin Pengiran Haji Quriol Jopatera,
Pelajar Tahun 6
Sekolah Rendah Mabohai

SELAMAT Tahun Baharu 2026 kepada semua. Saya mahu menjadikan tahun 2026 sebagai tahun kejayaan dengan berusaha, berdo'a dan tidak mudah putus asa. Saya menetapkan azam untuk meningkatkan disiplin, fokus dalam kelas, rajin bertanya kepada guru jika tidak faham, bekerjasama dengan rakan-rakan dan membantu antara satu sama lain. Saya juga berazam untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

HUMAIRA Nour-EI Amni binti Mohammad Ghani,
Pelajar Tahun 6
Sekolah Rendah Mabohai

SAYA ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2026 kepada semua. Semoga 2026 ini lebih baik dari tahun sebelumnya. Saya yakin dengan bimbingan guru dan sokongan ibu bapa, saya dapat menjadi murid yang lebih baik pada tahun ini. Saya berazam untuk berusaha menjadi contoh murid yang baik kepada rakan-rakan dan memperbaiki diri bukan sahaja dalam pelajaran, tetapi juga dari segi akhlak dan sahsiah dan juga memperoleh kecemerlangan dalam PSR.



OPERASI SEPADU RAMPAS PELBAGAI BARANG TEGAHAH



HASIL daripada operasi tersebut, pihak JKED merampas barang-barang tegahan iaitu 69 karton dan 12 paket rokok pelbagai jenama serta satu *vape*.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Rabu, 7 Januari. - menjalankan satu Operasi Sepadu bersama beberapa agensi penguatkuasaan di



sebuah kediaman di Kampung Ukong, Daerah Tutong.

Operasi tersebut melibatkan seramai 25 anggota dan diketuai oleh Pegawai Jenayah Daerah Polis Tutong, Penolong Penguasa Polis (ASP) Ahmad Faez bin Haji Mohd. Hani dengan penyertaan dari Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) serta dibantu oleh Jabatan Perisikan Jenayah.

Hasil daripada operasi tersebut, pihak JKED telah merampas barang-barang tegahan iaitu 69 karton dan 12 paket rokok pelbagai jenama serta satu *vape*. Kesemua barang berkenaan telah dikeluarkan Notis Penyitaan dan dua individu, seorang warga tempatan dan seorang tidak berkewarganegaraan, diarahkan hadir ke Unit Siasatan JKED Kuala Belait bagi siasatan lanjut.

Selain itu, pihak Jabatan Daerah Tutong telah mengesan kesalahan berkaitan kebersihan persekitaran, manakala JUZWAB Tutong turut mengenal pasti beberapa pelanggaran syarat rumah sewa serta aktiviti yang menjejaskan keharmonian dan ketenteraman penduduk setempat.

Operasi Sepadu ini dilaksanakan sebagai usaha berterusan pihak berkuasa dalam memastikan pematuhan undang-undang, keselamatan awam dan kesejahteraan masyarakat.

SUASANA Operasi Sepadu bersama beberapa agensi penguatkuasaan di sebuah kediaman di Kampung Ukong, Daerah Tutong (kiri dan atas kiri).


Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

Bab 12 (1) (a) dan didenda sebanyak BND2,000.

Sehubungan dengan itu, orang ramai dan masyarakat umum disarankan memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30).

Jika gagal membayar denda berkenaan dalam masa tujuh hari daripada tarikh denda kompaun dikeluarkan, maka syarikat berkenaan boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar,



Sebuah Restoran Di Daerah Permata Hijau

Daerah Permata Hijau dulunya sepi dan terpencil, hanya sesekali dikunjungi pelancong luar atau persis hanya tempat laluan penduduk Bumi Kenyalang yang mahu berkunjung ke Bumi Di Bawah Bayu atau sebaliknya.

Kini semenjak Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin siap dibina, menghubungkan Daerah Permata Hijau dengan Daerah Brunei Muara,

bumi Permata Hijau telah berubah wajah; bukan lagi bagai gadis desa yang pemalu; bukan pula bagai jejaka penyambung sendu.

Bumi Permata Hijau telah bangun menguak takdir, menjadi bumi yang mulai makmur dan ceria, menjadi tempat kunjungan pendatang luar daerah dan luar negara.

Beberapa kemudahan umum telah tersedia, para pengunjung jadi selesa dan penuh ceria berada di sini:

Beberapa hotel dan restoran telah terdiri, kendati jumlahnya belumlah mencukupi. Namun sekadar yang ada kini agak memadai dan Bumi Permata Hijau terus menghias diri dan memperlengkap pelbagai materi.

Restoran De'Patoi merupakan pusat tumpuan terbaru. Kami sekeluarga pun sempat mengadakan acara hari jadi anak dan cucu di situ.

Suasananya indah dan permai, membuatkan acara kami berjalan santai.

Pengantun dan hidangan cukup menyelerakan, membikin kami bertekad mahu berkunjung lagi di lain kesempatan.

Acara keluarga menjadi tidak lengkap jika tidak diakhiri dengan acara berfoto;

berfoto sekeluarga;

berfoto ikut kelompok usia

dan berfoto di tempat yang menjadi ikon tempat berlangsungnya acara,

untuk merakam lokasi dan peristiwa...

dan kami berjanji pada diri sendiri mahu datang lagi ke sini, menikmati keindahan lokasinya dan menikmati hidangannya, InsyaaAllah jika diizinkan Allah Subhanahu Wata'ala...

Mahmud Damit
Restoran De'Patoi,
Bukit Patoi, Temburong,
Ahad, 21 Disember 2025.

Sebuah syarikat dikenakan denda kompaun



TUTONG, Rabu, 7 Januari. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan denda kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, (Penggagal 30).

Syarikat berkenaan ialah Syahiran Contractor kerana didapati melakukan kesalahan di tempat projek Lot 22915, Kampung Bangunggos Tutong, dengan melakukan kesalahan di bawah



ORANG ramai dan masyarakat umum disarankan memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30) (atas dan kiri).

khususnya di kawasan membuang, melonggokkan atau premis-premis perniagaan dan meninggalkan apa jua jenis juga kawasan awam dengan tidak sampah sarap di tempat awam.



SALJI LEBAT DIRAMAL DI WILAYAH TENGAH KOREA SELATAN

SEOUL, 8 Jan. - Luruan angin sejuk secara tiba-tiba (jerembak sejuk) melanda Republik Korea pada Khamis dengan suhu di Seoul menurun kepada negatif (-) 8.2 darjah Celsius (C), ketika

agensi kaji cuaca negara itu meramalkan salji lebat di wilayah tengah pada hujung minggu ini, lapor Agensi Berita Yonhap. Menurut Pentadbiran Meteorologi Korea (KMA),

penurunan suhu yang nyata kepada -13.2C di ibu negara dan -30C di beberapa kawasan pergunungan di Wilayah Gangwon pada sebelah pagi. Jerembak sejuk itu dijangka

berterusan sehingga pagi Jumaat, namun salji lebat diramalkan melanda wilayah tengah mulai malam tersebut hingga hujung minggu, menurut KMA.

Salji dijangka meluas ke wilayah selatan pada pagi Sabtu, manakala salji atau hujan dijangka mula turun di Pulau Jeju mulai petang Sabtu.

Salji atau hujan dijangka

berterusan sehingga Ahad di Wilayah Chungcheong Selatan, wilayah Jeolla dan kawasan pedalaman barat Wilayah Gyeongsang Selatan, menurut KMA.

Selepas itu, salji atau hujan dijangka turun semula di wilayah tengah dan Wilayah Jeolla Utara pada Isnin, tambahnya.

- ©BERNAMA

2 maut, 6 cedera dalam insiden tembakan di Utah

ISTANBUL, 8 Jan. - Dua maut manakala lapan yang lain cedera dalam insiden tembakan di majlis pengebumian di luar sebuah gereja lewat Rabu di negeri Utah, Amerika Syarikat (AS), lapor Anadolu Ajansi memetik laporan media.

Menurut Fox News, pihak polis memaklumkan bahawa tiga daripada mangsa yang cedera berada dalam keadaan kritikal.

Setakat ini, tiada tangkapan dibuat berhubung insiden tembakan di The Church of Jesus Christ of Latter-day Saints di 660

North Redwood Road.

Pihak berkuasa mengesahkan bahawa beberapa mangsa dibawa ke hospital menggunakan kenderaan persendirian sebelum pegawai tiba di lokasi kejadian.

Redwood Road masih ditutup berhampiran gereja berkenaan, dan pihak berkuasa menasihati orang ramai supaya mengelakkan kawasan itu. - ©BERNAMA

Kapal persiaran Adora Mediterranea mulakan pelayaran sulung ke Asia Tenggara

GUANGZHOU, 8 Jan. - Kapal persiaran Adora Mediterranea memulakan pelayaran sulungnya dari Pelabuhan Induk Kapal Persiaran Antarabangsa Nansha Guangzhou ke Asia Tenggara pada Rabu.

Kapal kendalian syarikat kapal persiaran Republik Rakyat China, Adora Cruises itu dijadual singgah di

Republik Sosialis Viet Nam, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam dalam pelayaran selama sembilan hari lapan malam.

Menurut Adora Cruises, para pelancong berpeluang melawat beberapa destinasi pelancongan terkenal di ketiga-tiga negara itu, termasuk Nha Trang, Kota Kinabalu

dan Muara bagi menikmati keindahan alam semula jadi serta kepelbagaian budaya di Asia Tenggara.

Pelayaran sulung itu mendapat sambutan amat menggalakkan dengan membawa lebih 2,200 penumpang, iaitu hampir mencapai kapasiti penuh kapal berkenaan. - ©BERNAMA

Arab Saudi buka sepenuhnya pasaran modal kepada pelabur asing

RIYADH, 7 Jan. - Pihak Berkuasa Pasaran Modal Arab Saudi (CMA) pada Selasa mengumumkan bahawa negara itu akan membuka pasaran modalnya kepada semua kategori pelabur asing bermula 1 Februari, lapor Xinhua.

Pindaan itu memansuhkan konsep Pelabur Asing Berkelayakan (QFI), sekali gus membolehkan semua kategori pelabur asing mengakses pasaran tanpa perlu memenuhi keperluan kelayakan.

Ia turut memansuhkan rangka

kerja kawal selia yang mengawal perjanjian pertukaran, yang sebelum ini membolehkan pelabur asing bukan pemastautin memperoleh manfaat ekonomi sahaja daripada sekuriti tersenarai.

CMA menyatakan bahawa keputusan itu bertujuan memperluas dan mempelbagaikan asas pelabur, menyokong aliran masuk pelaburan yang lebih besar serta meningkatkan kecairan pasaran secara keseluruhan.

Pelabur antarabangsa memegang lebih 590 bilion riyal

Arab Saudi (kira-kira US\$157.3 bilion) dalam pasaran modal Arab Saudi menjelang akhir suku ketiga 2025, dengan kira-kira 519 bilion riyal dilaburkan dalam Pasaran Utama. Angka itu menunjukkan peningkatan berbanding akhir 2024, apabila pemilikan asing berjumlah 498 bilion riyal, menurut kenyataan berkenaan.

CMA menjangkakan peraturan yang dipinda itu akan membantu menarik tambahan pelaburan antarabangsa serta terus mengukuhkan pasaran modal Arab Saudi. - ©BERNAMA

Pertamina umum penemuan telaga minyak baharu di Sumatera

JAKARTA, 7 Jan. - Syarikat tenaga milik kerajaan Republik Indonesia, Pertamina mengumumkan penemuan sebuah telaga minyak baharu dengan potensi pengeluaran sehingga 3,442 tong minyak sehari (BOPD) di Adera Field, kawasan operasi minyak dan gasnya yang terletak di Sumatera Selatan, Republik Indonesia.

Menurut satu kenyataan media, penemuan oleh PT Pertamina EP (PEP) Adera Field itu adalah hasil integrasi data seismik Abab 3D yang diperoleh pada 2023, susulan kajian yang dijalankan oleh pasukan Geologi, Geofizik, Takungan dan Pengeluaran di PEP Adera Field.

Pengurus Besar Pertamina EP Zon 4D Judjuwanto berkata melalui analisis data seismik yang lebih terperinci, pasukan itu dapat memetakan arah dan taburan lapisan takungan dengan lebih tepat, sekali gus meningkatkan kebarangkalian kejayaan penggerudian.

"Telaga ABB-143 (U1) (telaga baharu) dijangka menyumbang tambahan pengeluaran harian sekitar 458 BOPD di bawah keadaan operasi tertentu, dengan anggaran perolehan minyak keseluruhan atau Anggaran Pemulihan Mukhtamad (EUR) kira-kira 750,000 tong berdasarkan perbandingan dengan telaga rujukan," katanya seperti dipetik dalam kenyataan itu.

Beliau berkata penemuan telaga baharu itu akan memberikan dorongan kepada PEP Adera Field dalam meningkatkan pengeluaran minyak dan gas pada 2026, selain menyokong sasaran kerajaan untuk mencapai pengeluaran minyak sebanyak 1 juta BOPD.

Pertamina memaklumkan bahawa ujian selama dua jam telah dijalankan pada 30 Dis dan telaga itu menunjukkan keupayaan pengeluaran sebanyak 3,442 BOPD.

"Ujian selama dua jam itu

dianggap lebih mewakili keadaan aliran stabil. Ujian aliran awal diadakan bagi menentukan kebolehan hantaran maksimum telaga atau keupayaannya menghasilkan minyak secara semula jadi," tambahnya.

Sementara itu, Naib Presiden Komunikasi Korporat Pertamina Muhammad Baron berkata Pertamina komited untuk mempercepatkan usaha mencapai sara diri tenaga negara selaras dengan agenda Asta Cita kerajaan dengan mengutamakan program utama dalam sektor hulu minyak dan gas.

"Pertamina memperuntukkan perbelanjaan modal yang besar dalam sektor hulu bagi menggalakkan penggerudian berskala besar dan inovatif, yang akan memberi kesan signifikan terhadap penemuan serta peningkatan pengeluaran minyak dan gas negara," katanya. - ©BERNAMA

Laut utara paling panas dalam rekod pada 2025

BERLIN, 8 Jan. - Laut Utara mencatatkan suhu tahunan paling panas dalam rekod pada 2025, menurut agensi maritim dan hidrografi persekutuan Jerman (BSH) pada Rabu, lapor Xinhua.

"Pada 2025, Laut Utara mencapai suhu purata 11.6 darjah Celsius, nilai tertinggi dalam siri data BSH sejak 1969," kata Tim Kruschke, Ketua Pasukan Iklim BSH, dalam satu kenyataan.

"Ia adalah 0.9 darjah Celsius lebih tinggi berbanding purata jangka panjang 1997-2021," katanya. "Semua bulan mencatatkan suhu jauh melebihi purata, dengan Jun dan Disember mencipta rekod".

Laut Baltik juga mencatatkan suhu yang luar biasa tinggi pada 2025, menurut BSH. Suhu purata permukaan tahunan mencecah 9.7 darjah Celsius, meningkat 1.1 darjah Celsius berbanding purata jangka panjang 1997-2021, menjadikan 2025 sebagai tahun kedua paling panas bagi Laut Baltik dalam siri data agensi itu sejak 1990.

"Walaupun dunia menghentikan pelepasan gas rumah hijau serta-merta, paras laut berkemungkinan akan terus meningkat selama berabad-abad," kata Presiden BSH Helge Heegevaldt, sambil menggesa lebih banyak langkah perlindungan iklim bagi membantu melindungi kawasan pantai dan komuniti setempat. - ©BERNAMA

4 maut, 23 cedera dalam kemalangan bas di Nepal

KATHMANDU, 8 Jan. - Empat maut manakala 23 yang lain cedera dalam kemalangan membabitkan sebuah bas di pinggir bandar Kathmandu pada petang Rabu, kata seorang pegawai polis, lapor Xinhua.

Bas yang membawa kira-kira 40 penumpang itu terjunam ke dalam cerun sedalam kira-kira 100 meter dari lebuh raya.

Jurucakap polis daerah, Pawan Bhattarai, berkata beberapa mangsa yang cedera dilaporkan berada dalam keadaan serius. Menurut Bhattarai, polis sedang menyiasat punca kemalangan itu. - ©BERNAMA

Eksperimen bateri litium-ion dijalankan di stesen angkasa lepas Republik Rakyat China

BEIJING, 7 Jan. - Stesen angkasa lepas Republik Rakyat China, Tiangong telah menjalankan eksperimen baharu mengenai sains asas bateri litium-ion, menurut Institut Fizik Kimia Dalian Akademi Sains China, pada Rabu.

Eksperimen yang dijalankan oleh tiga kru Shenzhou-21 itu bertujuan untuk mengkaji mekanisme prestasi bateri dengan memanfaatkan persekitaran unik di angkasa lepas.

Bateri litium-ion amat penting bagi misi angkasa lepas moden kerana ia mempunyai kepadatan tenaga dan taraf keselamatan yang tinggi.

Bagaimanapun, pemahaman mendalam mengenai ciri dalaman bateri, khususnya kesan pengagihan bahan kimia terhadap output dan jangka hayat, sukar diperoleh di bumi disebabkan oleh gangguan graviti

Sebaliknya, persekitaran mikrograviti di stesen angkasa lepas boleh menawarkan suasana ideal untuk memerhatikan proses itu tanpa gangguan graviti.

Eksperimen itu dijangka membantu menambah baik sistem bateri sedia ada di orbit selain menyokong reka bentuk generasi baharu bateri yang lebih selamat dan mempunyai kepadatan tenaga lebih tinggi untuk penerokaan angkasa lepas pada masa hadapan. - ©BERNAMA

SHANGHAI CATAT REKOD TERTINGGI PENDAFTARAN PENGINAPAN WARGA ASING



FOTO ini menunjukkan pantulan pelawat pada kaca The Stage, sebuah dek pemerhatian baharu di atas White Magnolia Plaza di Shanghai, timur Republik Rakyat China, 14 April 2025.

SHANGHAI, 9 Jan. - Jumlah pendaftaran penginapan sementara warga asing di Shanghai mencecah paras tertinggi sebanyak 7.139 juta pada 2025, peningkatan tahun ke tahun sebanyak 49.6 peratus, menurut Kor Pentadbiran Keluar-Masuk Biro Keselamatan Awam Perbandaran Shanghai pada Khamis.

Angka tersebut, yang telah pun meningkat dua kali ganda pada 2024, menonjolkan daya tarikan bandar itu yang semakin meningkat kepada pelawat antarabangsa.

Pendaftaran penginapan adalah keperluan bagi warga asing yang menetap di Republik Rakyat China. Pada 2025, sebanyak 94.7 peratus pendaftaran penginapan sementara dikendalikan secara langsung oleh hotel, sekali gus mewujudkan proses daftar masuk yang lebih mudah.

Dalam kalangan warga asing yang menetap di komuniti

perumahan Shanghai, 84.8 peratus memilih pelaporan sendiri secara dalam talian melalui platform berbilang bahasa, yang menyediakan pendaftaran yang cekap dan fleksibel.

Selain itu, jumlah visa dan permit kediaman yang dikeluarkan kepada warga asing di Shanghai melebihi 200,000 untuk tahun kedua berturut-turut pada 2025, dengan permit jangka panjang seperti permit kediaman menyumbang bahagian yang meningkat sebanyak 10 mata peratusan.

Tambahan pula, sejak pelancaran Kad Pengenalan Penduduk Tetap Warga Asing yang dikemas kini, yang dikenali sebagai *five-star card*, oleh Pentadbiran



Imigresen Negara pada 1 Disember 2023, lebih 10,000 kad sedemikian telah dikeluarkan di Shanghai.

Skop penggunaan kad tersebut telah diperluaskan merangkumi perkhidmatan kebudayaan dan kehidupan harian, termasuk pembelian tiket acara sukan dan konsert, pendaftaran haiwan peliharaan, pendaftaran latihan memandu serta ujian undang-undang lalu lintas. Kini, kad ini memudahkan 64 jenis perkhidmatan dalam bidang kesejahteraan utama di Shanghai. - ©XINHUA

Komen ahli politik Republik Singapura tarik perhatian terhadap pengukuhan ringgit

KUALA LUMPUR, 9 Jan. - Satu komen santai oleh seorang ahli politik Republik Singapura telah mencetuskan perbincangan mengenai asas ekonomi Malaysia yang semakin bertambah baik, dengan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dipuji kerana berjaya memacu pengukuhan ringgit dan menarik lonjakan pelaburan asing.

Dalam satu hantaran di Facebook, ahli Parti Kuasa Rakyat (PPP), Derrick Sim secara berseloroh meminta Anwar untuk 'lepak sekejap' susulan pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar Republik Singapura.

Sim turut berkongsi imej yang menunjukkan kadar pertukaran bertambah baik daripada RM3.18 kepada RM3.15 bagi satu dolar Republik Singapura (SGD) dalam tempoh dua minggu.

"Kepada PM Anwar, pada pandangan saya, anda benar-benar salah seorang Perdana Menteri terbaik yang pernah dilihat Malaysia dalam tempoh yang sangat lama.

"Saya hanya ada satu permintaan kecil, sangat kecil: mungkin anda boleh lepak sekejap. Tak perlu bekerja keras sangat lah.

Baru dua minggu lepas, SGD ke Ringgit adalah RM3.18,

sekarang sudah RM3.15. Kalau terlalu kuat, nanti rakyat Republik Singapura datang hanya pesan roti canai kosong kemudian balik. Ramai antara kami masih sangat mementingkan bajet.

"Bertenang PM. Biar perlahan asal berterusan untuk menang perlumbaan," tulis beliau di Facebook.

Ringgit mengukuh berbanding dolar Republik Singapura kepada sekitar RM3.16 pada 9 Januari, berbanding sekitar RM3.29 pada tarikh yang sama tahun lepas.

Di ruangan komen, Sim menambah bahawa pelaburan langsung asing (FDI) Malaysia telah melonjak sebanyak 47 peratus.

"Kami sedang bercakap tentang berbilion ringgit yang masuk ke dalam negara," tulis beliau.

Sim berkata syarikat global utama kini secara senyap tetapi pasti sedang memindahkan rantaian bekalan mereka secara besar-besaran keluar dari Republik Rakyat China, dengan Malaysia muncul sebagai destinasi pilihan utama.

"Ia (Malaysia) tidak semahal Republik Singapura, namun lebih stabil dan mempunyai institusi yang lebih dipercayai berbanding Republik Sosialis Viet Nam. Ditambah pula dengan ekosistem

semikonduktor yang mantap, Malaysia menjadi destinasi yang sangat menarik," katanya.

Sim berkata pemerhati tidak seharusnya terkejut jika ringgit terus mengukuh berbanding dolar Republik Singapura, dengan kemungkinan bergerak ke arah julat 3.0 atau mencatat bawah paras psikologi 3 dalam tempoh 18 bulan akan datang.

Pada masa yang sama, beliau menarik perhatian bahawa Penguasa Kewangan Singapura (MAS) sedang melonggarkan dasar kewangan, yang memberi tekanan susut nilai tambahan kepada dolar Republik Singapura dan meningkatkan kemungkinan pengukuhan lanjut ringgit.

Sebagai rujukan, Sim berkata seawal September tahun lepas, kadar pertukaran masih berlegar sekitar RM3.30 bagi satu dolar Republik Singapura.

Beliau berkata bahawa kadar pertukaran mata wang tidak bersifat statik, sambil memetik contoh sejarah termasuk pada 1990-an apabila paun Sterling didagangkan pada kira-kira tiga kali ganda nilai dolar Republik Singapura, serupa dengan situasi SGD-Ringgit sekarang.

"Kadar pertukaran tidak statik. Apabila asas ekonomi berubah, begitu juga dengan mata wang," katanya. - ©BERNAMA

Lebih 360 juta individu dijangka sertai pelancongan ais dan salji pada musim sejuk ini

BEIJING, 9 Jan. - Seramai lebih 360 juta individu diunjurkan akan menyertai pelancongan ais dan salji di Republik Rakyat China pada musim sejuk 2025 hingga 2026, dan menjana pendapatan sebanyak RMB450 bilion (RM260.73 bilion), menurut laporan terkini Akademi Pelancongan China.

Di sebalik angka-angka yang memberangsangkan itu, terdapat juga perubahan baharu di sektor pelancongan ais dan salji di negara Tembok Besar.

Menurut laporan itu, pelancong kini lebih cenderung kepada pengalaman 'bermain' dengan ais dan salji, berbanding 'melihat' pemandangan alam semula jadi pada masa dahulu.

Pada masa sama, mereka kini lebih rela berbelanja dalam acara hiburan dan kesihatan serta membeli barangan kreatif kebudayaan.

Selain itu, kebanyakan bandar di kawasan selatan Republik Rakyat China telah membina padang ski dalam bangunan. Oleh itu, pengguna tempatan tidak perlu melakukan perjalanan jauh ke kawasan utara negara ini untuk menikmati sukan ais dan salji. Contohnya bandar Shenzhen mempunyai padang ski dalam bangunan yang terbesar di dunia.

Laporan Akademi Pelancongan China juga menunjukkan bahawa semakin banyak pelancong asing, khususnya dari negara tropika datang ke negara ini untuk merasai keindahan ais dan salji.

Semasa cuti Tahun Baharu 2026, jumlah pelancong asing yang tiba di Harbin, timur laut Republik Rakyat China meningkat sebanyak 77.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. - ©BERNAMA

Ahli politik maut ditembak di ibu negara Republik Rakyat Bangladesh

DHAKA, 9 Jan. - Seorang ahli politik Parti Nasionalis Bangladesh (BNP) maut ditembak di ibu negara Dhaka pada Rabu malam, kata seorang pegawai kanan polis pada Khamis, lapor Xinhua.

Md. Fazlul Karim, timbalan pesuruhjaya tambahan Polis Metropolitan Dhaka (Zon Tejgaon), memberitahu Xinhua: "Dua orang ditembak. Mereka dikejarkan ke hospital berdekatan, namun seorang daripada mangsa disahkan meninggal dunia sebaik tiba".

Menurut pegawai itu, kejadian berlaku sekitar 8 malam waktu tempatan di kawasan komersial Karwan Bazar, Dhaka.

Beliau berkata mangsa yang meninggal dunia, Azizur Rahman Musabbir, sebelum ini merupakan pegawai kanan Dhaka Metropolitan North Swachhasebak Dal, sayap sukarelawan BNP.

Polis berkata penyerang menaiki motosikal melepaskan tembakan ke arah mangsa sebelum melarikan diri, dan motif kejadian masih dalam siasatan. - ©BERNAMA

PBB unjur kadar pertumbuhan ekonomi global pada 2.7 peratus pada 2026

ISTANBUL, 9 Jan. - Pertumbuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada Khamis mengunjurkan ekonomi global dijangka berkembang sebanyak 2.7 peratus pada 2026, turun sedikit daripada 2.8 peratus dalam analisis sebelum ini, lapor Anadolu Ajansi.

Laporan Situasi dan Prospek Ekonomi Dunia 2026 PBB turut meramalkan ekonomi dunia akan berkembang sebanyak 2.9 peratus pada 2027.

Menurut laporan itu, ekonomi global menunjukkan daya tahan yang baik, namun memberi amaran bahawa ketegangan perdagangan dan kesulitan kewangan mula membayangi prospek pertumbuhan itu.

PBB menyatakan bahawa daya

tahan luar jangka yang dilihat tahun lepas berdepan kenaikan mendadak tarif Amerika Syarikat (AS) telah membantu mengekalkan pertumbuhan, disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh serta penurunan kadar inflasi, namun kelemahan asas masih berterusan.

Laporan itu juga menyatakan bahawa pelaburan yang lemah dan ruang fiskal yang terhad memberi tekanan kepada aktiviti ekonomi, sekali gus meningkatkan kemungkinan ekonomi global akan menyusut ke arah laluan pertumbuhan yang lebih perlahan secara kekal berbanding tempoh prapandemik.

Peredaan separa dalam ketegangan perdagangan telah

membantu mengehadkan gangguan dalam perdagangan antarabangsa, namun kesan tarif yang tinggi dijangka menjadi lebih ketara pada 2026 di tengah-tengah ketidakpastian makroekonomi yang semakin meningkat.

Keadaan kewangan bertambah baik susulan pelonggaran dasar monetari dan sentimen pasaran yang lebih positif, namun risiko kekal tinggi terutamanya disebabkan oleh penilaian yang melambung tinggi dalam sektor berkaitan pembangunan pesat Kecerdasan Buatan (AI).

Selain itu, tahap hutang dan kos pinjaman yang tinggi mengehadkan ruang dasar, terutamanya bagi kebanyakan ekonomi sedang membangun.

Laporan itu turut menunjukkan perdagangan global terbukti berdaya tahan pada 2025 dengan pertumbuhan 3.8 peratus, kadar yang lebih pantas daripada jangkaan meskipun berdepan ketidakpastian dasar dan kenaikan tarif.

Pertumbuhan ekonomi di AS diunjurkan pada kadar dua peratus tahun ini dan 2.2 peratus pada tahun depan.

Kesatuan Eropah pula dijangka mencatatkan pertumbuhan 1.3 peratus pada 2026 dan 1.6 peratus pada 2027.

Ekonomi Republik Rakyat China dijangka berkembang 4.6 peratus tahun ini dan 4.5 peratus pada tahun depan, manakala ekonomi Republik Turkiye dianggarkan tumbuh 3.9 peratus pada 2026 dan 4.1 peratus pada 2027. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



PEAK SPORTS HUB MEMPERKENALKAN HAB PELBAGAI GUNA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menyempurnakan Majlis Perasmian Peak Sports Hub dan seterusnya membuat lawatan pada majlis tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Jumaat, 9 Januari. - Majlis Perasmian Peak Sports Hub telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, bertempat Peak Sports Hub, Jaya Setia.

Pelancaran berkenaan

menandakan satu pencapaian penting dalam landskap sukan dan gaya hidup Negara Brunei Darussalam dengan memperkenalkan sebuah hab pelbagai guna yang menghimpunkan pelbagai kemudahan sukan, kecergasan, dan sosial di bawah satu bumbung.

Terdahulu, Pengurus Eksekutif

Kanan Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Dayang Noorsurainah binti Tengah, selaku Pengerusi Peak Performance Sdn. Bhd., dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepentingan Peak Sports Hub yang bukan sahaja membawa legasi sukan yang membanggakan serta peranan baharunya dalam memupuk gaya hidup aktif, pembangunan belia, dan pengukuhan penglibatan komuniti.

"Ruang ini membawa legasi sukan yang membanggakan

sebagai bekas Kelab Tenis Brunei, sebuah tempat yang telah lama menyatukan komuniti.

"Hari ini, kami membina asas tersebut untuk mewujudkan sebuah kemudahan yang inklusif, bertenaga, dan berpandangan ke hadapan untuk semua," ujarnya.

Majlis seterusnya menyaksikan lawatan berpandu ke kemudahan yang disediakan diketuai oleh Dayang Noorsurainah. Lawatan berkenaan mempamerkan gelanggang sukan, kawasan

karnival serta gerai-gerai jualan.

Peak Sport Hub telah direka bentuk agar mudah diakses dan mesra kepada semua dengan menyediakan ruang di mana individu daripada semua peringkat usia dapat kekal aktif, berhubung melalui sukan, dan berinteraksi dengan komuniti yang lebih luas.

Turut hadir Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), di Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim, pegawai kanan dan wakil daripada BIA, MOFE, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Darussalam Assets, dan Peak Performance Sdn. Bhd.

KB FC tewaskan MS PPDB, 3 - 2

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BERAKAS, Khamis, 8 Januari. - KB FC berjaya mengutip 3 mata berharga apabila berjaya menewaskan MS PPDB dalam saingan bola sepak Liga Super Brunei yang berlangsung bertempat di Padang Kompleks Sukan Berakas, baru-baru ini, sekali gus memberikan kemenangan buat kali ketiganya pada musim ini yang kini telah melepasi minggu keenam.

Jaringan pertama KB FC berjaya diperolehi pada babak pertama perlawanan menerusi Awang Mohammad Danish Bazli

Mohammed Sumady.

Tersentak dengan gol tersebut, MS PPDB kemudiannya bijak mengatur corak permainan dengan melakukan beberapa serangan ke atas kubu pertahanan KB FC sehinggalah jaringan berjaya terhasil juga pada babak pertama perlawanan menerusi Aidil Ezwandy anak Akit menjadikan kedudukan terikat 1 - 1 pada minit ke-26.

Sebelum berakhirnya separuh masa pertama Aidil Ezwandy anak Akit sekali lagi berhasil meledakkan gol keduanya dan buat

pasukan MS PPDB dengan membolosi gawang KB FC menjadikan kedudukan 2 - 1 menyebelahi kepada MS PPDB.

Masuk ke babak kedua perlawanan, KB FC terlebih dahulu berjaya menjaringkan gol penyamaan yang dijaringkan oleh Awangku Mohammad Haikal Pengiran Zaidi pada minit ke-59 perlawanan.

Selang 20 minit kemudian, KB FC sekali

lagi berjaya menjaringkan gol menerusi Awang Mohd. Amirul Hamrey Mohd. Norshaney sekali gus menjadikan kedudukan kepada 3 - 2 menyebelahi KB FC dan keputusan itu kekal sehingga pengadil perlawanan meniup wisel penamat.

Dengan kemenangan tersebut, KB FC yang memperoleh 3 mata penuh telah berjaya melonjak naik ke tangga kelima dalam kedudukan liga setakat ini dengan meraih 11 mata. Sementara itu, MS PPDB yang tewas buat kali pertama pada musim ini pula kekal berada di kedudukan keempat dengan 12 mata.



MS PPDB tewas di tangan KB FC dengan jaringan 2 - 3, melonjakkan KB FC ke tangga kelima dalam kedudukan liga dengan meraih 11 mata setakat ini, manakala MS PPDB pula berada di kedudukan keempat dengan 12 mata.

Tahukah Awda

BUBUNGAN Dua Belas mula dibina pada tahun 1906 dan siap pada tahun 1907. Dalam proses pembinaannya, kayu-kayu yang digunakan didatangkan dari Sandakan, Sabah. Selain dijadikan sebagai kediaman rasmi dan tempat mengadakan majlis rasmi dan istiadat, Bubungan Dua Belas juga digunakan sebagai tempat penginapan Residen-Residen dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi British bersama dengan ahli keluarga mereka sejak tahun 1907 hingga 1983. Pada tahun 1998, bangunan ini diambil alih oleh Jabatan Muzium-Muzium Brunei dan dijadikan sebagai pusat pameran di negara ini dikhususkan untuk memperingati ikatan persahabatan di antara Negara Brunei Darussalam dan Great Britain.

SUMBER : Berita Muzium, Bilangan : 2, Mei-Ogos 2005, Jilid 27

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

URUSKAN MASA DENGAN BAIK, ISIKAN DENGAN PERBUATAN YANG BERFAEDAH, ELAKKAN KERUGIAN MASA